

**PEMBERDAYAAN JATI DIRI KANAK-KANAK DALAM
TEKS ADIK SAYANG PANTUN**

AIDA MASTURA BINTI MOHAMAD

C18A0020

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**Pemberdayaan Jati Diri Kanak-Kanak Dalam Teks Adik
Sayang Pantun**

Aida Mastura Binti Mohamad

C18A0020

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada
syarat memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan
Dengan Kepujian**

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2022

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
Dari tarikh _____ sehingga _____
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan

980414-03-6326

No. Kad Pengenalan
Tarikh: 22/02/2022



Tandatangan Penyelia

Dr Nordiana Binti Ab Jabar

Nama Penyelia
Tarikh: 22/02/ 2022

PEMBERDAYAAN JATI DIRI KANAK-KANAK DALAM TEKS ADIK SAYANG PANTUN

ABSTRAK

Pantun kanak-kanak merupakan sejenis puisi tradisional Melayu. PKK bukan sekadar memberi hiburan tetapi juga memberi pengajaran dan pendidikan serta mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak menjadi seseorang yang berkeperibadian tinggi. Selain itu, PKK juga dicipta dengan bentuk yang ringkas seiring dengan meningkatnya usia kanak-kanak yang gemar akan bahasa yang mudah dan berirama. Justeru itu, kajian ini akan menggunakan teks kumpulan pantun kanak-kanak yang berjudul *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu kerana bagi pandangan beliau sudah menjadi fitrah kepada kanak-kanak seperti berada di peringkat sekolah rendah menyukai bahasa pantun berirama khususnya pantun dua kerat kerana bahasanya mudah difahami oleh kanak-kanak. Kajian ini dilakukan kerana melihatkan kelompongan dalam hasil kajian lepas dalam bidang yang dikaji iaitu kurang kajian mengenai pemberdayaan jati diri kanak-kanak menerusi pantun kanak-kanak dan masyarakat zaman kini lebih tertumpu kepada sesuatu perkara yang lebih jelas berbanding menelusuri maksud yang digarapkan dalam sebuah pantun. Seterusnya, fokus kajian ini adalah mengenal pasti pantun yang membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak dalam teks *Adik Sayang Pantun* dan menganalisis keindahan pantun kanak-kanak berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu. Oleh itu, dalam dapatan kajian akan mengetengahkan beberapa tema seperti tema pantun berbudi bahasa (PBB), pantun menghormati (PMH), pantun bersopan santun (PBS), pantun menolong (PMG), pantun

penghayatan warisan (PPW) dan pantun kebudayaan kaum (PKK) dalam membentuk jati diri kanak-kanak serta mengaplikasikan teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh dalam melihat keindahan PKK. Oleh yang dikatakan sedemikian, kajian ini akan membuka mata masyarakat bahawa PKK sangat sesuai diletakkan dalam silibus mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah sekali gus dapat dijadikan wadah dalam membentuk jati diri kanak-kanak.

Kata kunci: Pemberdayaan jati diri, pantun kanak-kanak, teori Puitika Sastera Melayu

THE EMPOWERMENT OF CHILDREN'S IDENTITY IN THE TEXT OF ADIK SAYANG PANTUN

ABSTRACT

Children's poems are a kind of traditional Malay poetry. PKK not only provides entertainment but also provides teaching and education and is able to shape the empowerment of children's identity into a person with a high personality. In addition, the PKK was also created in a simple form in line with the increasing age of children who love simple and rhythmic language. Therefore, this study will use the text of a group of children's poems entitled Adik Sayang Pantun by Ismail because in his view it is natural for children to be at school. low likes the language of rhythmic verses especially two-segment verses because the language is easily understood by children. This study was done because it sees a gap in the results of previous studies in the field studied that is less research on the empowerment of children's identity through children's poetry and today's society is more focused on something clearer than tracing the meaning worked in a poem. Next, the focus of this study is to identify the poems that form the empowerment of children's identity in the text Adik Sayang Pantun and analyze the beauty of children's poems based on the theory of Malay Literary Poetry. Therefore, the findings of the study will highlight several themes such as the theme of polite verses (PBB), respect verses (PMH), polite verses (PBS), helping verses (PMG), heritage appreciation verses (PPW) and racial cultural verses (PKK) in shaping the identity of children and applying the theory of Malay Literary Poetry by Muhammad Haji Salleh in seeing the beauty of the PKK. Having said that, this study will open the eyes of the community that PKK is very suitable to be placed in the syllabus of Malay language subjects in schools and can be used as a platform in shaping children's identity.

Keywords: Empowerment of identity, children's poetry, theory of Malay Literary Poetry

PENGHARGAAN

Setinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Ilahi di atas limpah kurnia kasihNya, tesis ini dapat disempurnakan dengan sebaiknya. Pertama sekali saya tuntunkan ucapan Alhamdulillah kepada Allah atas nikmat-nikmat yang diberikan kepada saya tanpa henti. Sesungguhnya, pengalaman dalam menyiapkan tesis ini amat mencabar dan bermakna dalam kehidupan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya Dr Nordiana Binti Ab Jabar yang tidak jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar dan semangat dalam menyiapkan tesis ini. Segala jasa baik dan pengorbanan belia hanya Allah yang dapat membalasnya. Semoga beliau mendapat keberkatan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Namun begitu, tidak dilupakan juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Universiti Malaysia Kelantan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Selain itu, penghargaan dan terima kasih ini juga ditujukan kepada orang yang teristimewa iaitu ibu Rosnani Binti Mat Hassan dan bapa Mohamad Bin Jusoh atas restu dan doa yang tidak pernah putus selama pengajian ini. Sesungguhnya doa dan restunya sentiasa mengiringi langkah demi memeperoleh ilmu. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada sahabat saya yang selalu memberi sokongan. Sesungguhnya, perjalanan pengajian ini menjadi lebih indah dan bermakna dengan kehadiran kalian.

Akhir kata, buat yang mengenali diri ini terima kasih atas cabaran dan nasihat yang diberikan. Semoga kajian ini dapat memberikan sumbangan dan kejayaan menjadi milik kita di dunia dan di akhirat.

Aida Mastura binti Mohamad

Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

Kelantan.



KANDUNGAN	HALAMAN
Pengesahan Tesis	i
Abstrak.....	ii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	v
Kandungan	vii
Senarai Gambar Rajah	xiii
Senarai Singkatan	xiv
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian.....	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Definisi Konsep	9
1.7.1 Pantun	9

1.7.2	Pemberdayaan	10
1.7.3	Jati Diri	10
1.8	Batasan Kajian.....	11
1.9	Kesimpulan	11
BAB 2 KAJIAN LITERATUR		
2.1	Pengenalan.....	13
2.2	Kajian Lepas Mengenai Pemberdayaan.....	13
2.2.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	14
2.2.2	Tesis Ijazah sarjana	14
2.2.3	Tesis Ijazah sarjana Muda.....	15
2.2.4	Artikel Jurnal	15
2.2.5	Buku.....	16
2.2.6	Lain-lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)	17
2.3	Kajian Lepas Mengenai Jati Diri	18
2.3.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	18
2.3.2	Tesis Ijazah sarjana.....	19
2.3.3	Tesis Ijazah sarjana Muda.....	19

2.3.4	Artikel Jurnal	20
2.3.5	Buku.....	23
2.3.6	Lain-lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)	23
2.4	Kajian Lepas Mengenai Pantun Kanak-kanak.....	25
2.4.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	25
2.4.2	Tesis Ijazah sarjana.....	26
2.4.3	Tesis Ijazah sarjana Muda.....	27
2.4.4	Artikel Jurnal	27
2.4.5	Buku.....	29
2.4.6	Lain-lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)	29
2.5	Kajian Lepas Mengenai Teori Puitika Sastera Melayu	30
2.5.1	Tesis Ijazah Doktor Falsafah	30
2.5.2	Tesis Ijazah sarjana.....	31
2.5.3	Tesis Ijazah sarjana Muda.....	31
2.5.4	Artikel Jurnal	32
2.5.5	Buku.....	34
2.5.6	Lain-lain (Majalah, Laman Sesawang dan Akhbar)	34

2.6	Kesimpulan	35
-----	------------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	36
3.2	Rekabentuk Kajian.....	36
3.2.1	Rekabentuk Kajian Kualitatif	37
3.2.1.1	Kaedah Analisis Teks	38
3.2.1.2	Kaedah Pengumpulan Data.....	39
3.2.1.3	Kaedah Kepustakaan	39
3.2.1.4	Kaedah Internet.....	40
3.2.2	Penerapan Teori	40
3.2.2.1	Teori Puitika Sastera Melayu	41
3.2.2.2	Pendekatan Ciri Keindahan	45
3.3	Kesimpulan	47

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	48
4.2	Pantun Yang Membentuk Pemberdayaan Jati Diri Kanak-kanak	49
4.2.1	Pantun Berbudhi Bahasa.....	49

4.2.2	Pantun Menolong.....	52
4.2.3	Pantun Menghormati.....	55
4.2.4	Pantun Bersopan Santun.....	58
4.2.5	Pantun Penghayatan Warisan.....	61
4.2.6	Pantun Kebudayaan Kaum.....	66
4.3	Keindahan Pantun Kanak-kanak Berdasarkan Teori Puitika Sastera	
	Melayu.....	70
4.3.1	Mainan Kiasan dan Saranan.....	71
4.3.2	Sesuai dan Patut.....	74
4.3.3	Keindahan Sama Ukuran.....	77
4.3.4	Keindahan Dunia Berjodoh iaitu Alam Semula Jadi dan	
	Alam Kehidupan Manusia.....	79
4.4	Kesimpulan.....	82

BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Pengenalan.....	84
5.2	Rumusan Kajian.....	85
5.3	Implikasi.....	88

5.3.1	Implikasi Terhadap Pencipta atau Penulis Pantun Kanak-Kanak..	88
5.3.2	Implikasi Terhadap Pembaca Pantun Kanak-Kanak	89
5.3.3	Implikasi Terhadap Pengkaji dan Bidang Kajian	90
5.4	Cadangan	90
5.4.1	Memasukkan PKK dalam Silibus Pembelajaran Bahasa Melayu Di Peringkat Sekolah Rendah	91
5.4.2	Lebih Banyak Kajian yang Dijalankan Menggunakan Teori Puitika Sastra Melayu	92
5.4.3	Peranan Media Massa dalam Mengekalkan PKK.....	93
5.5	Kesimpulan	93
	RUJUKAN	95

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 1: Kerangka Teori Puitika Sastra Melayu.....	44
--	----



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI SINGKATAN

PKK	Pantun Kanak-kanak
PBB	Pantun Berbudi Bahasa
PMH	Pantun Menghormati
PBS	Pantun Bersopan Santun
PMG	Pantun Menolong
PPW	Pantun Penghayatan Warisan
PKK	Pantun Kebudayaan Kaum
KOMSAS	Komponen Sastera dalam Bahasa Melayu

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pantun adalah puisi tradisional Melayu yang telah wujud sejak dahulu lagi. Selain itu, dikatakan bahawa pantun telah ada sebelum masyarakat Melayu tidak dapat membaca dan menulis lagi. Pantun adalah suatu bentuk pengucapan untuk mengungkapkan pemikiran atau perasaan tentang sesuatu perkara untuk berjenaka, satira dan memberikan nasihat. Seterusnya, pantun juga digambarkan mempunyai makna yang tersirat atau tersurat dalam mengungkapkan sesuatu perkara menerusi penggunaan perlambangan simbol-simbol dalam pantun. Pantun merupakan sejenis puisi tradisional yang terdiri daripada dua atau empat baris dalam serangkap yang mempunyai pembayang dan maksud dan pada akhir kata mempunyai rima berbentuk a,b,a,b. Pantun adalah bentuk puisi yang sangat popular dalam kalangan masyarakat berbanding seloka, mantera, syair, nazam dan gurindam (Mohd Rashid Md Idris, 2011).

Seterusnya, Harun Mat Piah (1989) telah menyatakan pandangannya dan telah memberi ciri-ciri pantun adalah berdasarkan keindahan yang dilihat melalui pancaindera dan keindahan tersirat yang tidak dapat dirasakan atau struktur visualnya. Walau bagaimanapun, berbeza pandangan Aripin Said (1994) yang mengatakan pantun adalah

puisi Melayu yang mencerminkan kehalusan budi dan keperihatinan masyarakat pada ketika itu terhadap alam dan sesuatu kegiatan budayanya. Justeru itu, Noriah Taslim (2007) juga berpandangan bahawa pantun adalah gambaran perwatakan masyarakat Melayu menerusi pemikiran, adat dan pandangan terhadap alam.

Selain itu, pantun adalah sejenis puisi yang dikatakan sangat indah kerana dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu melalui rangkap-rangkap yang terdapat dalam pantun. Hal ini dikatakan sedemikian, Aripin Said (1994) telah menyatakan bahawa keseluruhan pantun telah menghadirkan satu fikiran yang akrab dengan kehidupan iaitu yang mana sindir-menyindir dan kias ibarat memainkan peranan yang penting ketika menyampaikan sesuatu fikiran agar ia berkesan dan indah melalui pantun. Seterusnya, Alwi Salim (1983) juga berpendapat bahawa untuk mengenal pasti sama ada sesuatu pantun itu mempunyai kualiti yang baik adalah dengan melihat jumlah perkataan dan suku kata empat perkataan dan lapan perkataan hingga dua belas suku kata, rima yang mempunyai persamaan rima tengah dan akhir, pemakaian bahasanya yang halus, kiasan atau sindiran, hubungan pembayang dengan maksud dan mempunyai ciri tradisional.

Hal ini dikatakan sedemikian, pemberdayaan ialah keupayaan untuk membangun atau membentuk kemampuan masyarakat dengan memotivasi, mendorong, membangkitkan kesedaran untuk mengembangkan potensi yang ada pada diri menjadi sesuatu yang nyata. Seterusnya, menurut kamus dewan (2010) jati diri dibina berdasarkan dua perkataan iaitu jati dan diri, jati bermaksud asli, murni atau tidak bercampur manakala diri membawa maksud seseorang atau empunya badan. Selain itu, jati diri pula ialah aspek yang paling penting dalam diri manusia untuk menggambarkan tentang diri seseorang dan jati diri juga menekankan aspek yang menyumbang kepada pembentukan personaliti dan sahsiah

seseorang. Oleh itu, jati diri mempunyai kaitan yang rapat dengan akhlak seseorang individu kerana tanpa akhlak yang mulia jati diri tidak dapat dipupuk atau dibentuk dengan baik.

Oleh itu, pemberdayaan jati diri adalah pembentukan yang mencerminkan keperibadian individu atau masyarakat seperti dari segi adat, agama, budaya, bahasa dan sebagainya. Seterusnya, pantun adalah satu wadah pendidikan yang mampu memberikan sesuatu yang baru dalam setiap individu atau masyarakat di samping melahirkan insan yang berkekuatan dalam semua aspek kehidupan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pantun kanak-kanak (PKK) dicipta bukan sekadar untuk memberi hiburan malah ia juga berfungsi untuk memberi pengajaran kepada kanak-kanak melalui ungkapan pantun yang telah dihasilkan kerana lengkok bahasa yang berirama yang digambarkan dalam pantun telah menarik kanak-kanak kerana bahasa yang digunakan mudah difahami oleh kanak-kanak. Hal ini dikatakan sedemikian, pantun kanak-kanak (PKK) mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak menjadi seseorang yang berkeperibadian tinggi, bab kata pepatah “Melentur buluh biarlah dari rebungnya” yang menjelaskan bahawa pendedahan PKK mampu menjadikan mereka menjadi kanak-kanak yang baik budi pekerti dan keperibadian diri yang baik kerana kebanyakan PKK adalah untuk mendidik dan memberi pengajaran atau didaktik kepada kanak-kanak.

Seterusnya, kajian ini akan menggunakan teks kumpulan pantun kanak-kanak yang berjudul *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia pada tahun 2014 di Kuala Lumpur. Selain itu, Ismail Restu menulis teks ini kerana bagi pandangan beliau sudah menjadi fitrah kepada kanak-kanak seperti berada di peringkat sekolah rendah menyukai bahasa pantun berirama khususnya pantun dua kerat kerana bahasanya mudah difahami oleh kanak-kanak. Justeru itu, dalam teks ini terdapat beberapa tema yang akan diketengahkan dalam kajian ini untuk mengenal pasti jenis pantun yang membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak iaitu tema pantun berbudi bahasa (PBB), pantun menghormati (PMH), pantun bersopan santun (PBS), pantun menolong (PMG), pantun penghayatan warisan (PPW) dan pantun kebudayaan kaum (PKK). Hal ini dikatakan sedemikian, pemberdayaan jati diri dapat dibentuk sekiranya tema pantun yang dipilih dapat mendorong kanak-kanak lebih bersifat kearah jati diri yang baik.

Selain itu, dalam membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak, pantun adalah satu wadah penyampaian yang paling berkesan kepada kanak-kanak kerana mereka lebih sukakan sesuatu perkara yang digarapkan dalam pantun berlaku dalam sekeliling kehidupan mereka. Hal ini kerana pembayang dalam pantun sering menggunakan alam kehidupan sebagai menyatakan sesuatu perkara dan ini menyebabkan kanak-kanak akan menyukainya kerana ia selalunya berkaitan dengan alam semula jadi sebagai makna tersirat yang ingin disampaikan. Walau bagaimanapun, pantun dua kerat adalah pantun yang mudah difahami maksud yang ingin disampaikan kepada kanak-kanak. Justeru itu, pemilihan tema pantun sangat penting dalam menyampaikan pantun kepada kanak-kanak kerana melalui tema pantun yang disampaikan dapat membentuk pemberdayaan jati diri atau keperibadian kanak-kanak menjadi lebih berkeyakinan terhadap diri sendiri kearah yang lebih mulia.

Justeru itu, dalam menghasilkan kajian ini pengkaji juga akan menganalisis pantun kanak-kanak berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Hj Salleh. Hal ini kerana teori ini digunakan adalah untuk memperlihatkan keindahan atau estetika terhadap pantun Melayu yang digarapkan dalam kajian ini. Seterusnya, keindahan yang dimaksudkan adalah mainan kiasan dan saranan, sesuai dan patut, keindahan sama ukuran dan keindahan dunia berjodoh iaitu alam semula jadi dan alam kehidupan manusia. Oleh itu, kajian ini akan melihat pantun kanak-kanak bukan sahaja memberi hiburan atau keindahan semata-mata tetapi adalah untuk memberikan didaktik kepada masyarakat bahawa pantun kanak-kanak adalah suatu perkara yang mampu membentuk pemberdayaan jati diri yang baik.

Oleh itu, dalam kajian ini akan memperlihatkan pantun kanak-kanak sebagai wadah penyampaian yang mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak agar menjadi individu berperibadian mulia dan berpegang teguh pada diri dalam melakukan sesuatu perkara.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan kerana melihatkan kelompongan dalam hasil kajian lepas dalam bidang yang dikaji iaitu kurang kajian mengenai pemberdayaan jati diri kanak-kanak menerusi pantun kanak-kanak kerana kebanyakan kajian yang dilakukan lebih kepada pantun sebagai unsur nasihat. Hal ini dikatakan sedemikian, masyarakat menggambarkan pantun kanak-kanak yang digarapkan dalam sesebuah pantun Melayu sudah semakin

ketinggalan jauh kerana masyarakat menganggap pantun adalah sesuatu perkara yang ketinggalan zaman yang hanya digunakan masyarakat pada zaman dahulu untuk mengungkapkan sesuatu perkara. Justeru itu, kajian ini dilakukan kerana melihatkan kebanyakan pantun dikaji adalah untuk memberi nasihat, kritikan dan didaktik kepada masyarakat akan tetapi kalau dilihat pantun kanak-kanak adalah sangat sesuai untuk kanak-kanak sebagai pengajaran sekaligus dapat menerapkan pemberdayaan jati diri dalam kanak-kanak kerana setiap bait-bait kata yang digarapakan dalam pantun mempunyai keindahan walaupun dijelaskan secara tersirat.

Selain itu, masyarakat zaman kini lebih tertumpu kepada sesuatu perkara yang lebih jelas berbanding menelusuri maksud yang digarapakan dalam sebuah pantun. Hal ini telah menyebabkan pantun diabaikan oleh masyarakat khususnya golongan kanak-kanak pada masa kini kerana mereka beranggapan bahawa pantun adalah suatu perkara yang dijelaskan secara tersirat yang memerlukan pemikiran dalam memahami maksud tersebut. Justeru itu, kelemahan ini menyebabkan pantun kian pupus dalam masyarakat kini akan tetapi jika ditelusuri dengan lebih teliti pantun adalah pemikiran yang dijelaskan untuk memaparkan sesuatu perkara melalui bait-bait kata yang penuh dengan keindahan dan pengajaran atau pendidikan kepada masyarakat kerana selalu mengaitkan unsur alam dalam menyatakan sesuatu perkara dalam pantun. Seterusnya, masyarakat kini tidak berminat untuk menjadikan pantun kanak-kanak sebagai ungkapan dalam menjelaskan sesuatu perkara kerana mereka beranggapan pantun adalah penggunaan masyarakat pada zaman dahulu. Perkara ini menyebabkan pantun tersisih dalam pengungkapan masyarakat zaman kini kerana mereka susah memahami pemikiran yang ingin dijelaskan oleh pengarang. Walau bagaimanapun, hal ini jelas menunjukkan kurangnya penggunaan pantun dalam

menyampaikan sesuatu perkara menyebabkan pantun kurang diminati dalam masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak dalam menyampaikan perkara yang ingin diungkapkan oleh pengarang dalam pantun tersebut.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan mengetengahkan beberapa persoalan dalam kajian iaitu:

- i. Apakah jenis pantun yang membawa kepada pemberdayaan jati diri kanak-kanak?
- ii. Bagaimanakah pantun kanak-kanak memberi keindahan dalam pengungkapannya?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Dua objektif yang dikemukakan dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti pantun yang membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak dalam teks *Adik Sayang Pantun*.
- ii. Menganalisis keindahan pantun kanak-kanak berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini adalah untuk melihat sesebuah pantun kanak-kanak yang dikatakan mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak yang mempunyai makna dan maksud yang tersirat dalam mengungkapkan sesuatu perkara dalam masa yang sama menggambarkan keindahan dalam setiap bait-bait kata yang digarapkan dalam pantun tersebut. Seterusnya, dalam menghasilkan sebuah pantun yang mempunyai nilai aspek keindahan yang tinggi adalah sangat penting dalam penghasilannya mampu menyampaikan sesuatu perkara itu yang membawa kepada pengajaran dan pembentukan jati diri. Hal ini dikatakan sedemikian, sesebuah pantun digambarkan untuk menyatakan sesuatu atau membina kepada masyarakat khususnya dalam golongan kanak-kanak kerana pantun adalah satu cara untuk mengajak atau dapat membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak kerana nilai yang terkandung dalam pantun kanak-kanak banyak unsur didikan dan keindahan yang digarapkan.

Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa pantun kanak-kanak juga dapat membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak kerana setiap ungkapan yang ditulis dalam pantun mempunyai keindahan dalam berkata-kata sekali gus dapat memberikan pengajaran kepada kanak-kanak tentang pemikiran yang ingin disampaikan dalam pantun tersebut. Walau bagaimanapun, pantun juga dikatakan dalam setiap rangkap pembayang sering dikaitkan dengan unsur alam untuk menjelaskan situasi atau keadaan yang menggambarkan kehidupan masyarakat, hal ini kerana unsur alam dalam pantun yang digarapkan adalah untuk menambah mutu nilai keindahan

sesebuah pantun. Oleh itu, kajian ini adalah bertitik tolak dalam melihat pantun kanak-kanak mampu membentuk jati diri kanak-kanak menjadi lebih baik.

1.7 DEFINISI KONSEP

Definisi konsep atau operasional berikut adalah bertujuan untuk menerangkan konsep dan definisi penting sebagai rujukan dalam melaksanakan kajian ini.

1.7.1 PANTUN

Pantun adalah sejenis puisi tradisional yang tertua dalam masyarakat Melayu dan sangat popular dalam masyarakat terdahulu sebagai wahana komunikasi. Selain itu, pantun juga berfungsi untuk memberi pengajaran. Di samping itu, pantun turut digunakan untuk memberikan teguran dan sindiran dalam bahasa yang halus dan indah didengar. Selain itu, menurut Harun Mat Piah (1989) perkataan “pantun” membawa maksud sesuatu yang tersusun, teratur dan suatu karangan yang bahasanya terikat atau tidak. Seterusnya Aripin said (1994) juga menyatakan pantun sebagai puisi Melayu lama yang memaparkan kehalusan budi dan keperihatinan masyarakat pada ketika itu terhadap alam dan budayanya.

1.7.2 PEMBERDAYAAN

Pemberdayaan secara umumnya mempunyai berbagai maksud dari berbagai pandangan tokoh antaranya menurut Eddy Papilaya bahawa pemberdayaan adalah satu keupayaan untuk membangun kebolehan masyarakat dengan memotivasi, memberi galakan, membangkitkan kesedaran yang dimiliki dan berupaya mengembangkan potensi itu menjadi sesuatu yang nyata.

1.7.3 JATI DIRI

Jati diri menurut Ariffin (2015) membawa maksud satu perubahan kekuatan dalaman diri. Jati diri juga dikatakan membawa makna sifat atau keistimewaan sama ada dari segi bahasa, adat, agama yang menjadi teras lambang keperibadian seseorang individu atau masyarakat sesuatu bangsa. Selain itu, Ismail (2012) juga berpendapat bahawa jati diri adalah suatu proses untuk memantapkan keyakinan diri untuk berpegang teguh pada prinsip diri.

1.8 BATASAN KAJIAN

Skop kajian ini telah menggunakan pantun Melayu sebagai bahan kajian untuk menghasilkan kajian ini. Selain itu, kajian ini telah menfokuskan teks puisi tradisional iaitu teks *Adik Sayang Pantun* oleh Ismail Restu sebagai rujukan untuk mencari bahan tentang kumpulan pantun kanak-kanak dan perpustakaan dalam negeri Kelantan juga menjadi rujukan untuk mencari maklumat tambahan mengenai buku, tesis, jurnal dan sebagainya. Hal ini dikatakan sedemikian, fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis beberapa jenis pantun kanak-kanak dengan lebih terperinci menggunakan teori Puitika Sastera Melayu. Seterusnya dalam teks *Adik Sayang Pantun* pengkaji akan menyenaraikan beberapa tema pantun kanak-kanak yang mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak. Oleh yang dikatakan sedemikian, dengan adanya kajian ini dapat memperjelaskan kepada masyarakat bahawa pantun kanak-kanak juga mampu membentuk tingkah laku kanak-kanak menjadi lebih baik.


1.9 KESIMPULAN

Secara ringkas, melalui bab ini pengkaji akan menghuraikan tentang pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi konsep dan batasan kajian. Pantun adalah puisi sangat istimewa kerana dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu melalui rangkap-rangkapnya. Selain


itu, kajian ini bertitik tolak untuk membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak yang digambarkan dalam PKK. Oleh yang dikatakan sedemikian, kajian ini adalah untuk membuka mata masyarakat tentang pantun kanak-kanak yang boleh membentuk jati diri kanak-kanak.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas atau sorotan kajian yang telah dilaksanakan oleh para sarjana dalam dan luar negara yang berkaitan dengan bidang kajian yang ingin dilaksanakan iaitu merangkumi pemberdayaan jati diri kanak-kanak khususnya pantun kanak-kanak menerusi teori Puitika Sastera Melayu. Oleh itu, dalam perbincangan ini akan melibatkan kajian yang telah dilakukan seperti penulisan buku, artikel jurnal dan kajian akademik. Hal ini dikatakan sedemikian, perbincangan kajian literatur ini hanya akan mengambil kajian-kajian yang berkaitan dengan kajian yang ingin dikaji.

2.2 KAJIAN LEPAS MENGENAI PEMBERDAYAAN

Pemberdayaan masyarakat adalah satu proses pembangunan yang membuat masyarakat mengambil peluang dalam aktiviti kegiatan sosial dalam memperbaiki keadaan diri. Menurut Wasistiono (1998) dalam bukunya yang mengambil kata-kata daripada

Carlzon dan Macauley yang mengatakan bahawa pemberdayaan ialah melepaskan seseorang individu daripada keadaan yang canggung dengan memberi kebebasan terhadap idea, keputusan yang diambil supaya bertanggungjawab terhadap tindakannya.

2.2.1 TESIS IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam tesis ijazah Doktor Falsafah. Justeru itu, sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut. Oleh itu, dalam keadaan persekitaran yang disebabkan oleh Covid 19 menyebabkan pergerakan pengkaji sangat terbatas dalam mencari bahan berkaitan kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa peringkat untuk menutup kelompongan pada bahagian ini.

2.2.2 TESIS IJAZAH SARJANA

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam tesis ijazah sarjana. Justeru itu, sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk

yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut dan pengkaji akan mencari kajian tersebut dalam artikel, buku dan lain-lain.

2.2.3 TESIS IJAZAH SARJANA MUDA

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam tesis ijazah sarjana muda. Oleh yang dikatakan sedemikian, hal ini kerana sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut. Oleh itu, dalam keadaan persekitaran yang disebabkan oleh Covid 19 menyebabkan pergerakan pengkaji sangat terbatas dalam mencari bahan berkaitan kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa peringkat untuk menutup kelompongan pada bahagian ini.

2.2.4 ARTIKEL JURNAL

Kajian ini dilaksanakan oleh Munawar Anuar (2011) melalui jurnal ilmiahnya yang bertajuk “Pemberdayaan masyarakat”. Dalam kajian ini pemberdayaan masyarakat merupakan konsep pembangunan ekonomi yang merangkumi nilai-nilai masyarakat dalam membangunkan ekonomi baru. Selain itu, dalam kajian ini, untuk memberdayakan masyarakat akan membincangkan dari tiga aspek iaitu membolehkan ialah membuat

keadaan yang mampu menghasilkan masyarakat dapat berkembang, memperkasakan adalah memperkuat keupayaan yang dimiliki masyarakat dengan membuka banyak peluang yang mampu membuat masyarakat semakin berdaya dan melindungi iaitu menjaga atau memelihara perihal masyarakat yang lemah. Hal ini dikatakan sedemikian, memberdayakan masyarakat adalah untuk melepaskan diri mereka daripada kemiskinan dan terus berada kebelakang. Oleh itu, dengan menanamkan nilai-nilai seperti bekerja keras, keterbukaan dan bertanggungjawab merupakan perkara penting dalam usaha pemberdayaan.

Seterusnya, kajian oleh Maisarah Saidin dan Latifah Abdul Majid (2012) dalam artikel mereka bertajuk “Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan Malaysia”. Kajian ini akan membincangkan tentang pemberdayaan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan, hal ini kerana perkara tersebut sering dikaitkan dengan rakan sebaya, ibu bapa dan media sosial. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahan bacaan aspek penting dalam membentuk jati diri kanak-kanak kerana terdapat nilai murni dan pengajaran dalam bahan bacaan tersebut. Oleh itu, analisis ini mendapati bahan bacaan dalam bahasa Malaysia memberi kesan yang baik terhadap pemberdayaan jati diri kanak-kanak.

2.2.5 BUKU

Kajian oleh Dedeh Maryani dan Ruth Roselin E.Nainggolan (2019) dalam buku bertajuk “Pemberdayaan masyarakat” terbitan Deepublish Publisher. Justeru itu, pemberdayaan masyarakat dikatakan adalah proses pembangunan yang membantu masyarakat dalam bersosial dan memperbaiki diri sendiri kearah yang lebih baik. Justeru

itu, dalam konteks buku ini pemberdayaan masyarakat lebih kepada untuk proses untuk memperbaiki keadaan masyarakat seperti perbaikan lingkungan persekitaran, perbaikan kehidupan, perbaikan masyarakat dan lain-lain. Selain itu, pembangunan dalam aspek ini adalah merangkumi aspek kehidupan, baik pembangunan ekonomi, budaya, politik dan lain-lain. Oleh itu, buku ini dihasilkan untuk menjelaskan kepada masyarakat bahawa pemberdayaan masyarakat boleh tercipta dengan adanya kesedaran diri untuk memperbaiki kehidupan.

2.2.6 LAIN-LAIN (MAJALAH, LAMAN SESAWANG DAN AKHBAR)

Seterusnya, dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam majalah, laman sesawang, akhbar dan lain-lain. Justeru itu, sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut. Oleh itu, dalam keadaan persekitaran yang disebabkan oleh Covid 19 menyebabkan pergerakan pengkaji sangat terbatas dalam mencari bahan berkaitan kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa peringkat untuk menutup kelompongan pada bahagian ini.

2.3 KAJIAN LEPAS MENGENAI JATI DIRI

Jati diri adalah aspek paling penting dalam diri manusia untuk menggambarkan diri seseorang dan juga menekankan aspek yang menyumbang kepada pembentukan keperibadian dan sahsiah seseorang. Oleh itu, jati diri mempunyai perkaitan dengan akhlak seseorang individu kerana akhlak yang baik dapat membentuk keperibadian yang unggul.

2.3.1 TESIS IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Kajian ini dilaksanakan oleh Siti Rahimah Binti Mustaffa (2017) dalam tesis ph.D bertajuk “Dialek dan jati diri masyarakat Besut dari sudut sosiolinguistik”. Kajian ini dilakukan kerana bahasa memainkan peranan sangat penting dalam menggambarkan jati diri sesebuah masyarakat yang menuturnya. Hal ini dikatakan sedemikian, kebanyakan masyarakat Besut suka menuturkan dialek Kelantan sebagai bahasa asas mereka. Justeru itu kajian ini adalah untuk mengkaji peranan dialek dalam pembentukan jati diri masyarakat daerah Besut. Oleh itu, kajian ini adalah untuk menjelaskan bahawa dialek bukan asas penentu kepada pembentukan jati diri masyarakat penutur akan tetapi selain bahasa terdapat beberapa faktor lain seperti budaya, agama dan geografi yang membentuk jati diri sesebuah masyarakat.

2.3.2 TESIS IJAZAH SARJANA

Seterusnya, kajian oleh Syaidul Azam Kamarudin (2011) melalui tesis master yang berjudul “Jati diri Melayu dalam kumpulan puisi pilihan A.Aziz Deraman” Universiti Putra Malaysia. Selain itu, jati diri Melayu adalah aspek yang paling penting dalam khazanah bangsa untuk dipertahankan dalam masyarakat Melayu. Kajian ini dilakukan untuk melihat jati diri Melayu melalui puisi pilihan A.Aziz Deraman kerana mendapati kajian-kajian lepas tentang jati diri dalam puisi A.Aziz Deraman tidak dikaji secara mendalam. Selain itu, dalam konteks pembangunan jati diri masyarakat, kajian ini sangat penting kerana perihal jati diri akan terpancar kebijaksanaan masyarakat Melayu yang diwarisi sejak zaman berzaman. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji mendapati hasil sastera yang beginilah harus dikaji, dinilai dan diperhalus dengan lebih mendalam maknanya agar memberi manfaat kepada masyarakat.

2.3.3 TESIS IJAZAH SARJANA MUDA

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam tesis ijazah sarjana muda. Oleh yang dikatakan sedemikian, hal ini kerana sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut. Oleh itu, dalam

keadaan persekitaran yang disebabkan oleh Covid 19 menyebabkan pergerakan pengkaji sangat terbatas dalam mencari bahan berkaitan kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa peringkat untuk menutup kelompongan pada bahagian ini.

2.3.4 ARTIKEL JURNAL

Kajian oleh Norazimah Zakaria et al (2017) melalui jurnal mereka yang berjudul “Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun”. Seterusnya, keindahan pantun bukan sahaja terletak dalam pemilihan kata tetapi juga untuk menggambarkan pemikiran masyarakat terdahulu. Justeru itu, makalah ini dilaksanakan untuk melihat akal budi sebagai kebijaksanaan masyarakat dalam mengutarakan idea dan pandangan mereka dalam sebuah pantun dan nilai jati diri dalam masyarakat dapat diterapkan melalui puisi tradisional sebagai unsur pengajaran. Oleh itu, pantun adalah puisi tradisional yang memaparkan kekayaan hasil seni sastera Melayu yang sangat menonjol dalam masyarakat Melayu.

Makalah ini dilaksanakan oleh Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Norizah Yussuf (2012) dalam jurnal mereka yang berjudul “Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri”. Dalam artikel ini akan membahaskan tentang faktor persekitaran sosial yang mempengaruhi pembentukan jati diri seseorang individu. Walau bagaimanapun, persekitaran sosial adalah satu perkara yang penting akan memberi kesan kepada tingkah laku seseorang individu kerana hal ini dikatakan banyak kajian menyatakan persekitaran sosial memberi kesan dalam usaha pembentukan jati diri

seseorang. Justeru itu, kajian ini akan mengemukakan tentang persekitaran sosial dalam pembentukan jati diri seseorang kerana faktor sosial sangat memberi kesan yang terdiri daripada rakan, ibu bapa, sekolah dan media massa.

Selain itu, kajian ini dihasilkan oleh Azzurin Mohd Yassin dan Mas Rynna Wati Ahmad (2018) dalam jurnal bertajuk “Konsep jati diri Melayu dalam Puisi Catatan Kembara Nota Kecil Menyeberang Usia”. Kajian ini dilakukan untuk melihat perkaitan antara konsep jati diri dalam menghasilkan sebuah genre sastera tentang penulisan kembara. Selain itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mendalami puisi berbentuk catatan kembara oleh penulis muda Fahd Razy yang mengadaptasikan pengalamannya ke dalam bentuk puisi ketika di perantauan. Justeru itu, kajian ini memberi gambaran kepada masyarakat tentang jati diri Melayu yang terkandung dalam puisi tersebut.

Seterusnya, kajian ini dilakukan oleh Latifah Binti Abdul Majid, Nurul Hidayah Binti Ahmad Zakhi dan Wan Nasyrudin Wan Abdullah (2012) dalam jurnal bertajuk “Penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak prasekolah melalui penggunaan multimedia”. Kajian ini melihat bidang pendidikan sangat membimbangkan dalam mengharungi era globalisasi dengan kecanggihan teknologi dan sains dan beberapa kajian lepas telah menimbulkan kebimbangan ibu bapa dalam penggunaan multimedia kepada kanak-kanak prasekolah. Justeru itu, proses pendidikan sering dikaitkan dengan perihal nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak. Kajian ini adalah untuk membicarakan tentang penerapan nilai murni dan pembentukan jati diri kanak-kanak melalui penggunaan multimedia.

Kajian ini dilaksanakan oleh Mohd Yusof Othman et al (2012) dalam jurnal berjudul “Jati diri kebangsaan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT)”. Pengukuhan jati diri dalam lingkungan remaja berada pada tahap yang sangat mengkhawatirkan kerana kebanyakan sifat remaja adalah suka mencuba benda yang baru dan ini boleh menyebabkan remaja mampu terjebak dalam perkara negatif, walhal generasi muda adalah harapan kepada bangsa untuk menjadi pemimpin negara pada masa akan datang. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana pengukuhan jati diri dalam kalangan pelajar IPT. Justeru itu, dalam melaksanakan kajian aspek jati diri yang akan dinilai adalah berdasarkan bahasa, adat, agama, budaya, idealisme dan integriti berdasarkan tingkah laku yang digambarkan.

Justeru itu, kajian ini dilaksanakan oleh Nurzatil Ismah Azizan dan Zulkifli Mohd Yusuff (2018) dalam jurnal berjudul “Pembentukan jati diri remaja melalui pembelajaran persekitaran sosial: Analisis menurut perspektif Al-Quran”. Jati diri merupakan aspek terpenting dalam setiap diri manusia yang menggambarkan tentang diri seseorang. Seterusnya, jati diri seseorang manusia dilentur oleh beberapa faktor persekitaran budaya dan pendidikan yang diperolehi daripada kecil lagi. Kajian ini dilakukan untuk memperlihatkan aspek jati diri remaja melalui proses pembelajaran persekitaran sosial yang memengaruhi pembentukan jati diri remaja. Selain itu, didapati dalam Al-Quran terdapat kisah-kisah yang menggambarkan jati diri remaja dapat dibentuk melalui pembelajaran persekitaran sosial.

Makalah ini dilaksanakan oleh Ari Kurniawan, Azizi Umar dan Muhamad Faisal Ashaari (2013) berjudul “Jati diri kebangsaan dalam falsafah Pendidikan Islam”. Makalah ini dihasilkan adalah membicarakan tentang konsep jati diri kebangsaan dalam pendidikan

Islam di peringkat sekolah. Selain itu, kajian ini akan memfokuskan secara keseluruhan tentang konsep jati diri berdasarkan persektif Islam. Oleh itu, dalam kajian telah mendapati sistem pendidikan Islam di sekolah mampu membentuk jati diri seseorang ke arah yang lebih baik lagi.

2.3.5 BUKU

Kajian buku ini dilaksanakan oleh Zainol Abdul Kassim (2016) berjudul “Jati diri pembinaan dan pementapan”. Buku ini dihasilkan untuk memberi ruang kepada pelajar dalam meningkatkan pengetahuan dan memotivasikan diri dalam menghadapi cabaran pembelajaran di dalam kampus. Selain itu, buku ini menjadi rujukan kesemua institusi di Malaysia untuk membina atau memantapkan lagi jati diri pelajar dalam menghadapi kehidupan berada di kampus. Justeru itu, buku ini ditulis atau disusun berdasarkan penulisan pakar dan sarjana serta hasil tinjauan dan idea pengalaman penulis itu sendiri. Oleh itu, buku ini sangat membantu pelajar untuk mendalami atau mengamalkan nilai jati diri yang boleh dicontohi oleh masyarakat.

2.3.6 LAIN-LAIN (MAJALAH, LAMAN SESAWANG DAN AKHBAR)

Selain itu, kajian ini dilaksanakan oleh Datuk Drs. Haji Abdul Malik, M.Pd (2012) dalam kertas kerja bertajuk “Kepimpinan dan jati diri dalam pantun Melayu”. Pantun

Melayu adalah merupakan genre yang paling diminati oleh masyarakat sejak zaman berzaman lagi sehingga kini kerana bentuknya yang ringkas dan isinya yang mengandungi pelbagai persoalan tentang sekeliling kehidupan dan bentuknya yang indah. Selain itu, kebanyakan pantun dicipta berkaitan dengan kepimpinan dan jati diri masyarakat Melayu dan ini boleh dilihat pada karya Raja Ali Haji. Seterusnya, pantun adalah hasil kesusasteraan Melayu bukan sahaja indah bahkan juga mampu memberi manfaat dan didaktik kepada masyarakat. Oleh itu, melalui makalah ini diharapkan dapat dijadikan salah satu wadah dalam memahami kepimpinan Melayu.

Seterusnya, Maisarah Aisyah Ismail (2018) dalam akhbar berjudul “Pertahanan keris, pantun lambang jati diri Melayu”. Justeru itu, dalam konteks kebudayaan keris dan pantun adalah unsur budaya yang berbeza akan tetapi kedua-duanya saling berkait dalam menjadi lambang kepada jati diri Melayu yang asli. Selain itu, keris dikatakan lebih kepada senjata bukannya busana untuk diperagakan sebaliknya pantun dikatakan pusaka Melayu semakin hilang seninya kerana golongan muda kurang minat untuk mempelajarinya. Oleh itu, dalam penulisan ini pantun dan keris adalah lambang jati diri Melayu yang harus dikaji dan dibongkar agar warisan tidak pupus di mata dunia.

Selain itu, Prof. Dr. Abdul Rasid Jamian (2020) akhbar bertajuk “Sistem Pendidikan asas bina jati diri murid”. Beliau berkata sistem pendidikan tanah air adalah satu wahana penyampaian yang memperlihatkan jati diri kalangan murid melalui aktiviti kokurikulum. Selain itu, bahasa Melayu sangat penting dan kerajaan telah memperkenalkan beberapa Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu yang bertujuan untuk mencungkil bakat murid dalam mengetahui pelbagai bidang ilmu pengetahuan sehingga murid dapat mempamerkan kecekapan berbahasa. Oleh itu, penguasaan Bahasa Melayu

sangat penting untuk murid kerana dapat membentuk jati diri murid dalam kecekapan berbahasa.

2.4 KAJIAN LEPAS MENGENAI PANTUN KANAK-KANAK

Pantun kanak-kanak (PKK) adalah salah satu genre kesusasteraan Melayu yang dikatakan kurang mendapat sambutan dalam golongan masyarakat. Justeru itu, berdasarkan kajian terdahulu terhadap PKK masih kurang meluas berbanding dengan genre sastera kanak-kanak yang lain. Menurut pandangan Misran Rokimin (2001) yang menyatakan bahawa PKK berperanan sebagai unsur pembangunan diri seseorang manusia dari segi pemikiran emosi dan bahasanya. Walau bagaimanapun, PKK bukan sekadar memberi hiburan kepada kanak-kanak malah juga memberi pendidikan dan didaktik dalam menyampaikan suatu pemikiran yang digarapkan dalam pantun tersebut.

2.4.1 TESIS IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Kajian ini dilakukan oleh Aida Qamariah Ishak (2018) dalam tesis ph.D iaitu “Semiotik Riffaterre dalam pantun kanak-kanak”. Kajian ini menentengahkan teori semiotik Riffaterre dalam menemukan pusat makna dalam pantun kanak-kanak. PKK adalah sejenis pantun Melayu yang dicipta dalam bentuk yang mudah difahami oleh kanak-kanak seiring dengan kematangan kanak-kanak yang suka akan bahasa berirama dan

ringkas. Selain itu, PKK juga sangat sesuai untuk menyokong maksud yang sukar difahami oleh kanak-kanak untuk memahami perkara yang ingin disampaikan kerana tidak semua kanak-kanak dapat memahami pantun dengan mudah apalagi latar belakang kana-kanak yang rendah bahasa Melayu. Seterusnya, dalam teori kajian akan melihat empat konsep yang dikemukakan iaitu, ketidaklansungan ekspresi, pembacaan heuristik dan hermeneutik, matrik, model dan variannya dan konsep terakhir hipogram. Oleh itu, dalam kajian ini akan melihat keempat-empat aspek tersebut untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa khususnya PKK.

2.4.2 TESIS IJAZAH SARJANA

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam tesis ijazah sarjana. Oleh itu, sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut. Oleh itu, dalam keadaan persekitaran yang disebabkan oleh Covid 19 menyebabkan pergerakan pengkaji sangat terbatas dalam mencari bahan berkaitan kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa peringkat untuk menutup kelompongan pada bahagian ini.

2.4.3 TESIS IJAZAH SARJANA MUDA

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam tesis ijazah sarjana muda. Oleh yang dikatakan sedemikian, hal ini kerana sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut.

2.4.4 ARTIKEL JURNAL

Kajian ini dilaksanakan oleh Aida Qamariah Ishak, Sainah Jaafar dan Ahmad Ramizu Abdullah (2018) berjudul “Pantun kanak-kanak dari perspektif Semiotik Riffaterre’. Justeru itu, kajian ini akan menggunakan kaedah analisis konsep dan analisis makna berdasarkan PKK daripada Koleksi Pantun Kanak-kanak karya Mohamad Nazel Hisham. Selain itu, dalam kajian ini akan mengaplikasikan Teori Semiotik Rifferre kerana melihatkan teori ini sangat sesuai untuk menganalisis PKK berdasarkan empat aspek pemaknaan iaitu melihat pantun sebagai gambaran tidak langsung, mengaplikasikan konsep pembacaan heuristik dan hermeneutic serta hipogram. Hal ini dikatakan sedemikian, keempat-empat aspek pemaknaan yang digambarkan telah memberikan kefahaman yang jelas kepada kanak-kanak untuk memahami makna tersirat dan ini dapat mengurangkan

kana-kanak dalam memahami mesej yang ingin disampaikan sekaligus dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dengan betul.

Kajian oleh Ani Haji Omar (2012) dalam jurnal bertajuk “Kesusasteraan dan peranan puisi dalam kehidupan kanak-kanak”. Dalam artikel ini akan mengetengahkan sekumpulan puisi kanak-kanak iaitu Dari Jendela Terbuka karya Anis yang akan memperlihatkan aspek yang membina kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa serta kesusasteraan iaitu difokuskan kepada aspek bahasa sebagai pengucapan, fenomena kehidupan berkaitan kemanusiaan dan kreativiti yang akan menggunakan teori SPB4L/4K dalam menganalisis kajian ini. Justeru itu, kesusasteraan kanak-kanak haruslah sesuai dengan perkembangan psikologi mereka bukan berasaskan kehendak orang dewasa. Oleh itu, kajian ini sangat sesuai untuk menggambarkan bahawa puisi sastera berperanan dalam kehidupan kanak-kanak.

Seterusnya kajian “Nilai kebijaksanaan Melayu dalam pantun” ini dilaksanakan oleh Hj. Mohd Rashid Hj. Md Idris (2012). Kajian ini bertitik tolak daripada kajian bahasa lalu diulas menerusi Kumpulan Pantun Melayu. Selain itu, analisis ini dikatakan sangat berkait rapat dengan Teori Falsafah Bahasa Mohd Rashid Md Idris yang menggambarkan bahasa dan pemikiran penuturnya yang mempunyai hubungan yang rapat. Hal ini dikatakan sedemikian, teori ini telah dibuktikan bahawa nilai kebijaksanaan Melayu dalam pantun dengan menggunakan kaedah kualitatif dan hal ini jelas menunjukkan bahawa kehadiran nilai kebijaksanaan adalah berdasarkan kepada kegiatan kehidupan mereka. Oleh itu, seseorang manusia yang memiliki pemikiran yang tinggi akan disanjung oleh semua masyarakat kerana mempunyai kelebihan yang berbeza dari yang lain.

2.4.5 BUKU

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam buku. Justeru itu, sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut. Oleh itu, dalam keadaan persekitaran yang disebabkan oleh Covid 19 menyebabkan pergerakan pengkaji sangat terbatas dalam mencari bahan berkaitan kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa peringkat untuk menutup kelompongan pada bahagian ini.

2.4.6 LAIN-LAIN (MAJALAH, LAMAN SESAWANG DAN AKHBAR)

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam majalah, laman sesawang, akhbar atau dan lain-lain. Justeru itu, sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut.

2.5 KAJIAN LEPAS MENGENAI TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU

Teori Puitika Sastera Melayu di perkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh berlandaskan kepada konsep keindahan yang mendasari sastera Melayu tradisional. Justeru itu, sebelum memperkenalkan teori ini satu penelitian telah dijalankan terhadap pantun-pantun Melayu dan beliau menemukan pengaruh keindahan yang tergambar dalam pantun Melayu. Oleh itu, teori ini akan menjadi panduan kepada pembaca atau pengkritik dalam menganalisis karya sastera bagi mengangkat nilai estetika teks sastera Melayu disamping mencari makna disebalik keindahan tersebut.

2.5.1 TESIS IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam tesis ijazah Doktor Falsafah. Oleh yang dikatakan sedemikian, hal ini kerana sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut. Oleh itu, dalam keadaan persekitaran yang disebabkan oleh Covid 19 menyebabkan pergerakan pengkaji sangat terbatas dalam mencari bahan berkaitan kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa peringkat untuk menutup kelompongan pada bahagian ini.

2.5.2 TESIS IJAZAH SARJANA

Kajian ini dilaksanakan oleh Siti Aishah Bt Yusoff (2011) dalam tesis master berjudul “Estetika dalam kumpulan puisi kanak-kanak Putera-Puteri Malaysia dan Nota untuk Ibu”. Selain itu, makalah ini dilaksanakan untuk mengenal pasti ciri-ciri estetika yang terdapat dalam kumpulan puisi kanak-kanak karya Ishak Hamzah (2010) dan Khadijah Hashim (2010). Seterusnya, tesis ini akan mengaplikasikan teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh untuk meneliti puisi kanak-kanak berdasarkan kepada hanya 8 konsep estetika dalam teori tersebut. Justeru itu, kerana terdapat perbezaan pendapat yang telah diberikan oleh para sarjana tentang konsep estetika, kajian ini bertujuan untuk meneliti adakah estetika terkandung dalam puisi kanak-kanak tersebut. Oleh itu, dalam analisis yang dibuat terdapat estetika dalam kumpulan puisi kanak-kanak iaitu penemuan metafora, pengajaran, pengulangan dan lain-lain dan ini menggambarkan bahawa estetika sememangnya ada dalam kumpulan puisi tersebut.

2.5.3 TESIS IJAZAH SARJANA MUDA

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam tesis ijazah sarjana muda. Oleh yang dikatakan sedemikian, hal ini kerana sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas

pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut. Oleh itu, dalam keadaan persekitaran yang disebabkan oleh Covid 19 menyebabkan pergerakan pengkaji sangat terbatas dalam mencari bahan berkaitan kajian ini.

2.5.4 ARTIKEL JURNAL

Kajian ini dijalankan oleh Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Jaafar (2015) melalui artikel mereka yang berjudul “Perspektif puitika sastera Melayu menerusi simbol tumbuhan dalam pantun”. Idea kreatif masyarakat Melayu dengan menggunakan simbol alam tercermin dalam penciptaan pantun. Selain itu, pantun digambarkan mempunyai makna yang tersirat dan tersurat dalam menjelaskan simbol-simbol dalam pantun. Hal ini dikatakan sedemikian, simbol tumbuhan sangat akrab dengan masyarakat Melayu. Muhammad Haji Salleh ada mengatakan dalam prinsip estetika pantun iaitu, “Perumpamaan dan cadangan” digunakan dalam menganalisis simbol tumbuhan dalam pantun. Oleh itu, artikel ini menjadi dasar dan cadangan yang digunakan untuk menerangkan maksud tersirat tumbuhan dalam pantun.

Seterusnya, kajian ini dilakukan oleh Hashim Ismail (2019) “Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti”. Kajian ini adalah untuk melihat Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1989) sebagai sebuah teori sastera tempatan. Selain itu, kandungan makalah ini adalah untuk menilai keupayaan teori tempatan dengan melihat beberapa ciri-ciri teori tersebut. Oleh itu, penilaian dalam teori ini berbentuk untuk menganalisis secara kualitatif dari segi kestabilan teori tersebut

berkembang di Peringkat Asia Tenggara. Oleh itu, fokus kajian ini adalah mengenal pasti ciri-ciri aplikasi teori dan pandangan sarjana tentang keupayaan teori Puitika Sastera Melayu serta menilai keupayaan teori tersebut sebagai teori tempatan.

Selain itu, kajian oleh Abdul Halim Ali (2011) dalam jurnal berjudul “Konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional”. Kajian ini membicarakan tentang konsep keindahan dalam sastera berasaskan teori yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh dan idea estetika oleh Braginsky. Selain itu, kajian ini berfokus kepada konsep keindahan antara kedua-dua teori ini dimana terdapat perbezaan antara kedua teori ini, hal ini kerana teori yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh mementingkan aspek diskripsi tekstual tetapi tidak berlandaskan kepada mana-mana sumber agama Islam manakala teori yang dikemukakan oleh Braginsky juga mementingkan aspek diskripsi tekstual yang disokong oleh sumber Islam. Oleh itu dalam analisis ini telah menemukan tiga perbezaan anantara kedua-dua tokoh ini dalam mentafsirkan keindahan dalam kesusasteraan Melayu iaitu sumber keindahan, cara mentafsirkan keindahan dan dasar keindahan. Oleh yang dikatakan sedemikian, kedua-dua teori ini sangat sesuai untuk diaplikasikan dalam sesebuah kajian yang ingin dihasilkan.

Makalah ini dilaksanakan oleh Mana Sikana (2009) berjudul “Estetika di sebalik tabir teori Sastera Melayu Islam”. Makalah ini membicarakan tentang teori sastera dalam menyumbang aspek bahasa. Selain itu, makalah ini juga memberikan penekanan terhadap estetika Islam dalam menunjukkan keindahannya. Justeru itu, estetika atau keindahan merupakan satu wacana terpenting dalam kesusasteraan. Oleh itu, dalam makalah ini akan mengemukakan beberapa teori berkaitan estetika termasuk teori Puitika Sastera Melayu, teori Taabudiyah dan teori Sastera Pengabdian dalam menghasilkan kajian makalah ini.

2.5.5 BUKU

Dalam melaksanakan kajian ini pengkaji tidak menjumpai kajian-kajian lepas berkenaan tajuk yang dikaji dalam buku. Justeru itu, sepanjang penyelidikan ini dilakukan setakat ini pengkaji mendapati belum ada kajian terdahulu mengenai tajuk yang dikaji atau pengkaji terlepas pandang semasa menjalankan penyelidikan ini berkaitan tajuk tersebut. Oleh itu, dalam keadaan persekitaran yang disebabkan oleh Covid 19 menyebabkan pergerakan pengkaji sangat terbatas dalam mencari bahan berkaitan kajian ini. Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa peringkat untuk menutup kelompongan pada bahagian ini.

2.5.6 LAIN-LAIN (MAJALAH, LAMAN SESAWANG DAN AKHBAR)

Kajian ini dilaksanakan oleh Wen Hang Pui melalui kajian beliau bertajuk “Analisis pemikiran Melayu dalam pantun kanak-kanak berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu”. Seterusnya, pantun adalah sastera lisan yang diwarisi sejak zaman berzaman lagi dan menurut Wilkinson dan Winstedt seseorang tidak mampu mendalami pemikiran orang Melayu tanpa membaca pantun. Selain itu, kajian ini telah mengambil PKK untuk mengalisis pemikiran Melayu berdasarkan kepada asas keindahan teori Puitika Sastera Melayu. Oleh yang dikatakan sedemikian, kajian ini telah berhasil menemukan prinsip

keindahan teori tersebut dan meneka pemikiran orang Melayu disebalik penciptaan pantun tersebut.

2.6 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian-kajian lepas yang ditemukan PKK adalah salah satu wadah penyampaian yang sangat sesuai kepada kanak-kanak untuk memberi pengajaran, pembentukan jati diri dan pendidikan sekaligus melihat keindahan yang terdapat dalam PKK. Selain itu, teori Puitika Sastera Melayu sangat sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian ini berdasarkan konsep keindahan yang dikemukakan dalam teori tersebut. Oleh itu, PKK bukan sekadar memberi hiburan kepada kanak-kanak sebaliknya mampu membentuk tingkah laku kanak-kanak melalui pantun yang dicipta.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini akan membicarakan tentang metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji iaitu secara tidak langsung akan membincangkan tentang rekabentuk kajian, kaedah kajian dan teori yang digunakan akan dijelaskan secara terperinci. Selain itu, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat metodologi ialah satu sistem yang mencakupi prinsip dan kaedah yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Seterusnya, metodologi kajian adalah kaedah yang paling sesuai dijadikan sebagai rujukan untuk menjalankan penyelidikan bagi menjawab objektif kajian.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Menurut Sabitha (2006) rekabentuk kajian ialah rangka yang memperlihatkan secara terperinci kajian tersebut dijalankan. Selain itu, rekabentuk kajian juga berfungsi sebagai rujukan dalam membimbing pengkaji dalam menganalisis dan membuat tafsiran terhadap kajian yang ingin dilakukan.

3.2.1 REKABENTUK KAJIAN KUALITATIF

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengumpul dan menganalisis data. Kaedah pendekatan kualitatif ini akan membincangkan bagaimana cara untuk menganalisis data kajian yang telah diperoleh mengikut konteks kajian dan metode kajian. Kaedah kualitatif telah digunakan untuk mengumpul data yang lengkap daripada sumber-sumber yang sebenar sebagai petunjuk dalam melaksanakan penyelidikan ini. Justeru itu, rekabentuk kajian ini dijalankan oleh pengkaji akan merungkai segala persoalan yang telah dikemukakan dalam kajian ini. Rekabentuk kajian kualitatif ini akan menggunakan beberapa kaedah kajian seperti kaedah analisis teks, kaedah pengumpulan data, kaedah kepustakaan dan kaedah internet serta penerapan teori. Oleh itu, kaedah kualitatif digunakan untuk mengumpul data untuk menjayakan objektif-objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji iaitu:

- i. Mengenal pasti pantun yang membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak dalam teks *Adik Sayang Pantun*.
- ii. Menganalisis keindahan pantun kanak-kanak berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu.

3.2.1.1 KAEDAH ANALISIS TEKS

Kaedah analisis teks ini adalah kaedah yang menggunakan teks sebagai panduan atau rujukan dalam menjalankan penyelidikan ini. Justeru itu, pengkaji akan menggunakan teks kumpulan pantun kanak-kanak iaitu Adik Sayang Pantun karya Ismail Restu yang diterbitkan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia pada tahun 2014 di Kuala Lumpur dalam kajian ini. Seterusnya, Ismail Restu menulis buku ini kerana melihatkan sudah menjadi fitrah kepada kanak-kanak pada peringkat sekolah rendah kerana mereka begitu menyukai bahasa yang berirama khususnya pantun dua kerat yang menghiasi buku tersebut. Selain itu, dalam kajian ini akan memfokuskan beberapa tema dalam buku tersebut iaitu tema tema pantun berbudi bahasa (PBB), pantun menghormati (PMH), pantun bersopan santun (PBS), pantun menolong (PMG), pantun penghayatan warisan (PPW) dan pantun kebudayaan kaum (PKK). Walau bagaimanapun, analisis teks ini juga akan menggunakan teks Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Haji Salleh yang terbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada tahun 2016 sebagai panduan atau rujukan dalam melaksanakan kajian ini dan pendekatan utama yang difokuskan dalam dapatan kajian adalah mengenai unsur keindahan.

3.2.1.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah berbentuk data sekunder iaitu sumber-sumber maklumat adalah berkaitan dengan kajian lepas, buku, kertas-kertas projek berkaitan dengan sarjana-sarjana yang berkaitan. Selain itu, kajian ini juga berdasarkan tinjauan-tinjauan terhadap beberapa penyelidikan terdahulu yang pernah dihasilkan oleh para sarjana sebelum ini. Seterusnya, semua data yang diperolehi daripada kajian terdahulu akan diproses dan dianalisis dengan lebih mendalam untuk mengelakkan pertindihan dengan kajian yang ingin dilakukan. Selain itu, kaedah pengumpulan data ini juga akan menggunakan teks-teks yang dipilih oleh pengkaji sebagai bahan utama seperti teks Adik Sayang Pantun dan teks Puitika Sastera Melayu dalam menjalankan penyelidikan ini dan data-data yang diperolehi daripada teks tersebut akan dimasukkan dalam dapatan kajian.

3.2.1.3 KAEDAH KEPUSTAKAAN

Pengkaji juga akan menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan data lengkap yang diperlukan dalam bentuk fakta untuk dijadikan sebagai bukti dalam penyelidikan yang akan dilakukan. Seterusnya, pengkaji juga akan membuat penelitian terhadap jurnal, artikel, tesis, buku ilmiah, kamus dan bahan lain digunakan sebagai bahan rujukan utama untuk mengukuhkan lagi penyelidikan ini. Oleh itu, kaedah kepustakaan

adalah kaedah sangat penting dalam melakukan kajian ini kerana segala maklumat yang diperolehi banyak ditemukan di dalam perpustakaan.

3.2.1.4 KAEDAH INTERNET

Selain itu, berdasarkan kajian yang dihasilkan pengkaji turut menggunakan kaedah internet untuk mendapatkan sumber maklumat tambahan mengenai kajian yang ingin dihasilkan. Justeru itu, antara laman sesawang yang dirujuk dalam menjalankan kajian ini antaranya, “*Google Scholar*”, *Malaysian Theses Online (MyTO)*, Dewan Bahasa dan Pustaka serta laman web yang diiktiraf sebagai laman web pendidikan. Oleh itu, kaedah rujukan internet ini dapat membantu pengkaji memperolehi maklumat dengan cepat kerana laman sesawang sangat luas dan pengkaji juga mendapatkan maklumat terkini dan menyeluruh berkaitan dengan tajuk kajian. Oleh yang dikatakan sedemikian, melalui kaedah internet juga pengkaji dapat menjadikan artikel-artikel dan tesis-tesis terdahulu sama ada kajian tempatan atau luar negara sebagai rujukan.

3.2.2 PENERAPAN TEORI

Dalam menghasilkan kajian ini, teori akan digunakan sebagai panduan untuk penyelidikan. Selain itu, teori digunakan dalam kajian adalah untuk mengisi jurang kekosongan kajian yang yang dikenal pasti sama ada berbentuk fakta yang telah diketahui

atau menjelaskan perkara-perkara yang masih kabur dalam kajian yang hendak dijalankan. Oleh yang dikatakan sedemikian, kerangka teori ialah asas untuk menggambarkan secara keseluruhan apa yang hendak dikaji. Oleh itu, pengkaji akan menggunakan Teori Puitika Sastera Melayu sebagai panduan dalam kajian ini.

3.2.2.1 TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU

Muhammad Hj Salleh seorang professor sastera Melayu di Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1989 telah memperkenalkan teori Puitika Sastera Melayu. Seterusnya, teori ini adalah berpaksikan kepada konsep keindahan yang mendasari sastera Melayu tradisional. Sebelum memperkenalkan teori ini satu penelitian telah dijalankan terhadap pantun-pantun Melayu dan beliau menemukan pengaruh keindahan yang tergambar dalam pantun Melayu. Hal ini dikatakan sedemikian, dalam membina kerangka teori ini beliau juga mengambil kira tulisan atau pandangan Vladimir I, Engleton dan Braingsky sering dijadikan rujukan untuk memantapkan idealisme teoritikalnya.


Selain itu, Muhammad Hj Salleh percaya bahawa keindahan sastera Melayu mempunyai kaitan dengan budaya, pandangan hidup, sejarah, alam sekitar dan kawasan lingkungannya. Seterusnya, teori Puitika Sastera Melayu akan menjadi panduan kepada pembaca atau pengkritik dalam menganalisis karya kesusasteraan Melayu bagi mengangkat nilai keindahan teks sastera Melayu disamping mencari makna disebalik keindahan itu dengan hubungan yang berada di luar teks iaitu budaya, pandangan hidup,

sejarah dan alam sekitar masyarakat Melayu itu sendiri. Teori Puitika Sastera Melayu juga berasaskan pada lapan aspek utama iaitu takrif dan Istilah, fungsi karya sastera, genre, perkataan yang indah-indah, teks, memperbaharui pengarang, yang indah-indah: estetika sastera Melayu dan yang terakhir khalayak di serambi pentas.

Selain itu, konsep estetika Puitika Sastera Melayu Melalui genre pantun dan hikayat, dikonseptualkan dalam beberapa perkara, berasaskan konsep puitika yang terlibat dalam pengulangan (*repetition*), ingatan (*recall*), penggambaran untuk mewakili kenyataan (*presentation*) dan peniruan atau penyalinan (*copying*) (Muhammad Haji Salleh, 2000: 240). Menurut Muhammad Haji Salleh (1986: 3-18) dalam mengarang sebuah pantun, pengarang akan cuba merungkaikan teras pemikiran dan juga estetika sastera Melayu. Walau sekalipun tidak dibantu oleh sebuah dokumen, ternyata ia dapat diambil pandangan keindahan Melayu melalui bukti-bukti karya yang konkrit. Oleh itu, pendekatan inilah yang turut mendorong untuk menapis nilai estetika pantun. Oleh yang dikatakan sedemikian, menurut Muhammad Haji Salleh kajian itu telah menemukan beberapa nilai keindahannya. Justeru itu, Muhammad Haji Salleh juga telah memaparkan ciri keindahan dan unsur keindahan. Ciri keindahan yang digambarkan iaitu dunia luas yang dipadatkan, mainan kiasan dan saranan, dunia berjodoh, sama ukuran muzik seiring kata dan sesuai dan patut. Manakala unsur keindahan adalah keindahan didasarkan kepada konsep bahawa sastera menceritakan kehidupan, mengajar dan membimbing khalayaknya dalam, keindahan didasarkan kepada unsur dunia pengalaman yang selalu dirundung kesusahan, kesedihan dan kesengsaraan, keindahan itu yang asli, sifat cerita-ceritanya yang episodik, perasaan takjub atau hairan dan keindahan muncul daripada sifat “lakonan” atau drama. Hal ini dikatakan sedemikian, salah satu keunggulan dan kekuatan kesusasteraan Melayu klasik

pada pandangan Muhammad Hj Salleh ialah kerana nilai keindahan yang tergambar dalam karya-karya kesusasteraannya. Justeru itu, teks kesusasteraan berasaskan teori ini, pengkritik meletakkan diri mereka pada landasan puitika dengan hasrat untuk membuktikan kehadiran ciri-ciri estetika yang membina makna teks.





Rajah 1: Kerangka Teori Puitika Sastera Melayu

3.2.2.2 PENDEKATAN CIRI KEINDAHAN

Berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu, pengkaji akan menggunakan empat ciri keindahan yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh yang pertama keindahan mainan kiasan dan saranan. Muhammad Haji Salleh (2006: 219) telah mendapati sumber keindahan pada strategi pemaknaan dianggap canggih serta menggambarkan citra dan makna secara halus. Oleh yang dikatakan sedemikian, citra dan makna yang terkesan daripada strategik ini sangat jelas dan mengesankan dan sampai kepada masyarakat walaupun dengan cara yang halus. Citra yang lebih bersifat menyentuh, mengejek, atau menggoda itu lebih berseni dan menepati nilai-nilai pantun yang baik. Justeru itu, sebuah pantun yang baik mempunyai tujuan dan unsur didaktik kepada masyarakat yang membaca pantun tersebut. Selain itu, setiap persoalan yang dikemukakan dalam pantun adalah untuk memberi didikan kepada masyarakat pembaca walaupun ianya digambarkan secara tersirat tetapi keindahan idea yang digarapkan dalam pantun menjadi rujukan atau pengajaran kepada masyarakat dalam mengutarakan sesuatu perkara.

Seterusnya, kedua adalah keindahan dunia berjodoh adalah keindahan yang datang secara harmoni dari dua dunia iaitu dunia alam manusia dan dunia alam sekitar. Selain itu, Muhammad Haji Salleh (2006: 224) percaya walaupun ia hadir pada dunia yang berbeza-beza tetapi pertautan antara kedua alam ini saling melengkapkan satu kewujudan yang sama. Hal ini jelaslah boleh dilihat pada struktur binaan pantun yang menghadirkan pembayang dan maksud dalam satu rangkap. Hal ini dikatakan sedemikian, pembayang selalunya dikaitkan dengan objek dari dunia alam sekitar manakala maksud pula dikaitkan

dengan objek dari dunia alam manusia. Oleh itu, dapat dilihat pertautan gambaran antara kedua alam dunia ini mewujudkan keseimbangan atau saling melengkapi satu sama lain antara manusia dan alam sekitar, antara dunia luaran dan dalaman serta perantaraan perasaan dan fikiran manusia.

Justeru itu, yang ketiga ialah keindahan sesuai dan patut itu terletak kepada pengarang atau penyair itu sendiri. Oleh itu, Muhammad Haji Salleh melihat pengarang masyarakat Melayu adalah orang yang sangat bijak, memahami konteks dan suasana. Selain itu, bagi seorang penyair harus menggunakan pelbagai bentuk, irama, metafora dan kata-kata yang sesuai yang berlaku di sekelilingnya dalam kehidupan mengarangnya. Hal ini dikatakan sedemikian, pengarang atau penyair dalam menciptakan sebuah pantun haruslah dengan kadar yang sama dan sesuai dengan keadaan sekeliling. Oleh itu, pantun yang dihasilkan dengan cara yang benar atau tidak janggal mendatangkan kesan yang manis dan sedap untuk didengar.

Selain itu, yang terakhir keindahan sama ukuran ialah merupakan diksi yang distruktur dalam bentuk yang seimbang dari segi jumlah perkataan yang digunakan dalam baris-baris pantun. Justeru itu, Muhammad Haji Salleh percaya bahawa perkataan yang digarapkan dalam pantun mempunyai pasangannya yang tepat dan jumlah perkataanya tidak berlebihan atau berkurangan tetapi bentuknya adalah sekata. Seterusnya, Muhammad Haji Salleh (2006: 226) juga menjelaskan bahawa kata dan nada yang berbeza yang memberi pasangan, imbangan ataupun lawannya telah meninggalkan kesan keindahan yang tinggi kepada pantun dan sebab itulah pantun masih terus hidup sehingga ke hari ini. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kesamarataan bentuk bukan sahaja telah mengekekalkan pantun tetapi memastikan pantun terus kekal indah dalam sifatnya sampai ke hari ini.

3.3 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, bab ini telah membincangkan tentang rekabentuk kajian iaitu menggunakan kaedah kualitatif seperti kaedah pengumpulan data, kaedah analisis teks, kaedah kepustakaan dan kaedah internet serta penerapan teori. Selain itu, metodologi kajian ini sangat penting dalam sesebuah penyelidikan kerana ia adalah gambaran menyeluruh terhadap kaedah yang akan digunakan dalam menganalisis data. Seterusnya, metodologi kajian juga dijadikan sebagai rujukan atau panduan kepada pengkaji dalam menghasilkan sesebuah kajian. Justeru itu, dapatan kajian dipengaruhi oleh kaedah rekabentuk kajian yang akan digunakan dalam membuat analisis. Oleh itu, data yang dikumpul akan menghasilkan sebuah dapatan kajian berkenaan dengan Pemberdayaan Jati Diri Kanak-kanak dalam *teks Adik Sayang Pantun* berlandaskan kepada Teori Puitika Sastera Melayu.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang dapatan kajian, bahagian dapatan kajian memainkan peranan sangat penting kerana segala dapatan kajian akan dianalisis dalam bab ini bagi menjawab persoalan objektif yang dikemukakan dalam bab satu. Oleh yang dikatakan sedemikian, dalam bab ini pengkaji akan menganalisis beberapa tema yang akan diketengahkan dalam kajian ini untuk mengenal pasti jenis pantun yang membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak iaitu tema pantun berbudi bahasa (PBB), pantun menghormati (PMH), pantun bersopan santun (PBS), pantun menolong (PMG), pantun penghayatan warisan (PPW) dan pantun kebudayaan kaum (PKK). Justeru itu, dalam menghasilkan kajian ini pengkaji juga akan menganalisis pantun kanak-kanak berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Hj Salleh. Selain itu, teori ini digunakan adalah untuk memperlihatkan keindahan atau estetika terhadap pantun Melayu yang digarapkan dalam kajian ini. Seterusnya, keindahan yang dimaksudkan adalah mainan kiasan dan saranan, sesuai dan patut, keindahan sama ukuran dan keindahan dunia berjodoh iaitu alam semula jadi dan alam kehidupan manusia.

4.2 PANTUN YANG MEMBENTUK PEMBERDAYAAN JATI DIRI KANAK-KANAK

Pantun adalah salah satu cara untuk mengungkapkan sesuatu perkara dan juga untuk menyampaikan mesej. Seterusnya, pantun juga digambarkan mempunyai makna yang tersirat atau tersurat dalam menyatakan sesuatu perkara menerusi penggunaan perlambangan simbol-simbol dalam pantun dan pantun kanak kanak adalah pantun yang mudah difahami dan mampu membentuk kepribadian akhlak yang baik. Selain itu, menurut Zainal Abidin Ahmad (1957) menyatakan bahawa pantun adalah rakaman pemikiran dan keindahan perasaan yang wujud dalam setiap rangkap pantun bahkan dari segi penciptaan pantun aspek keindahan fizikal dan keindahan bahasa yang tergambar dalam rangkap pembayang dan maksud diibaratkan sebagai kulit pantun hal ini bertujuan untuk menunjukkan kepada khalayak untuk memahami apa yang ingin diperkatakan. Oleh itu, Ismail Restu (2014) menyatakan pantun dua kerat sangat sesuai untuk kanak-kanak sebagai proses dalam membentuk pemberdayaan jati diri dan di dalam bukunya “*Adik Sayang Pantun*” antara pantun yang mampu memberi pendidikan kepada kanak-kanak.

4.2.1 PANTUN BERBUDI BAHASA

Budi bahasa merujuk kepada tutur kata, tingkah laku, sopan santun dan tatatertib, dan akal kebijaksanaan. Selain itu, menurut Kamus Dewan dan Pustaka (DBP) edisi ketiga

budi didefinisikan sebagai akal, kebijaksanaan atau sifat baik, perbuatan dan kebajikan. Justeru itu, Zainal Kling (1995) juga berpendapat bahawa budi adalah merujuk kepada rupa dan paras jiwa manusia Melayu itu sendiri yang melibatkan peribadi yang mengandungi akal dan rasa. Menurut Wan Mohd Ruzlan (2011) berbudi bahasa dimaksudkan sebagai percakapan yang baik, bersopan ketika bertutur kata, tinggi dan berhemah budi bicaranya, beradab, tertib, bertingkah laku baik serta mempunyai akhlak yang murni. Walau bagaimanapun, menurut pandangan Shamsiah (2012) dalam konteks agama Islam sangat mementingkan budi bahasa kerana budi bahasa antara elemen yang menjadikan seseorang Islam sempurna selain dari aspek akidah dan syariahnya. Oleh yang dikatakan sedemikian, pantun berbudi bahasa adalah salah satu aspek yang boleh membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak kerana melalui pantun tersebut kanak-kanak dapat mengaplikasikan tingkah laku yang disampaikan melalui pantun tersebut mampu menjadikan kehidupan kanak-kanak menjadi lebih bersopan santun dan berbudi bahasa. Justeru itu, pantun berbudi bahasa adalah salah satu pantun yang mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak sebagai contoh hal ini dapat dilihat menerusi pantun di bawah:

Pergi ke Pekan membeli selasih,

Selalu ucapkan terima kasih.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 3*)

Hulur tangan salam disambut,

Bercakaplah dengan lemah lembut.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 3*)

Berdasarkan pantun di atas tergambarlah bahawa pemikiran yang ingin disampaikan dalam kedua-dua pantun diatas adalah tentang berbudi bahasa ketika bercakap. Hal ini boleh dilihat melalui pembayang pada baris pertama iaitu “Hulur tangan salam disambut” yang membawa maksud ketika berjumpa dengan orang yang lebih tua atau orang tidak dikenali haruslah sentiasa bersikap terbuka dan bersopan santun, hal ini juga dapat dilihat pada baris maksud “Bercakaplah dengan lemah lembut”, oleh yang demikian, rangkap pembayang dan maksud sangat berkait antara satu sama lain dan mudah difahami oleh kanak-kanak ketika mendengar pantun tersebut. Walau bagaimanapun, budi bahasa adalah aspek penting dalam membentuk jati diri atau peribadi mulia kanak-kanak yang dikatakan beradat dan budi bahasa juga tidak boleh dijual beli tetapi harus dipupuk dalam kanak-kanak sejak kecil lagi. Selain itu, menurut pandangan Za’ba (1950) masyarakat Melayu dikatakan beradat kerana berbudi bahasa dan baik kata tuturnya. Oleh itu, boleh dilihat menerusi pantun di bawah:

Pokok berangan di tepi gua,

Bersalamlah dengan orang tua.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 4*)

Menerusi pantun di atas dapat dijelaskan apabila kanak-kanak mendengar atau mengungkapkan pantun tersebut secara tidak langsung dapat membentuk jati diri kanak-kanak menjadi seseorang yang berbudi bahasa dan menghargai orang yang lebih tua daripada mereka. Seterusnya, hal ini dapat dibuktikan dalam masyarakat Melayu sudah menjadi kebiasaannya sangat mudah untuk menegur orang yang di kenalnya sambil mengukir senyuman manis dan bersalaman ketika bertemu. Hal ini dikatakan sedemikian,

bersalaman bukanlah dengan hanya yang dikenali tetapi juga dengan orang yang baru dijumpai sebagai tanda masyarakat yang berbudi bahasa dan berakhlak mulia. Justeru itu, pantun berbudi bahasa sangat sesuai untuk didedahkan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi, bab kata pepatah “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Oleh itu, pantun berbudi bahasa amat penting dalam kehidupan seharian di dunia. Hal ini kerana nilai berbudi bahasa amat disanjung tinggi dalam masyarakat kerana budi bahasa menjadi pengukur pada ketinggian keperibadian seseorang masyarakat. Demikian itu, pantun diatas adalah untuk memberitahu kepada masyarakat khususnya kanak-kanak supaya berbudi bahasa agar mereka dapat dipandang tinggi dan mulia disisi masyarakat.

4.2.2 PANTUN MENOLONG

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015) menolong adalah saling bantu-membantu antara satu sama yang memerlukan pertolongan. Hal ini dikatakan sedemikian, nilai tolong-menolong amat digalakkan dalam Islam kerana sebagai umat Islam kita ditegaskan supaya menolong antara satu sama lain, hal ini dapat dilihat dalam surah Al-Maidah ayat dua Allah SWT berfirman “Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan taqwa dan kebajikan dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya azab Allah amat berat”. Oleh yang demikian, hal ini bahkan sering diamalkan oleh masyarakat Melayu terdahulu. Justeru itu, sebagai masyarakat yang prihatin terhadap keadaan sekeliling haruslah sentiasa menunjukkan sikap tolong-menolong kerana hal ini dapat melahirkan masyarakat yang

lebih makmur dan bertimbang rasa. Oleh yang dikatakan sedemikian, pantun menolong adalah salah satu aspek yang boleh membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak kerana melalui pantun tersebut kanak-kanak dapat mengaplikasikan tingkah laku yang disampaikan melalui pantun tersebut mampu menjadikan kehidupan kanak-kanak menjadi lebih bersikap bertanggungjawab dan membantu orang yang dalam kesusahan. Justeru itu, pantun menolong adalah salah satu pantun yang mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak, sebagai contoh hal ini dapat dilihat menerusi pantun di bawah:

Pergi ke seberang membeli halia,

Menolong orang sangat mulia.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 5*)

Pemikiran dalam pantun di atas adalah pemikiran tentang sikap tolong-menolong. Selain itu, sikap tolong-menolong sangat penting dalam masyarakat Melayu kerana dengan menolong orang dalam kesusahan akan akan membuatkan hidup dipandang mulia atas segala kebaikan yang dilakukan sama ada kebaikan itu hanya sekecil zarah yang dilakukan. Justeru itu, pantun diatas menyeru agar semua masyarakat agar sentiasa berbuat kebaikan dan menolong kerana perbuatan tersebut amatlah mulia disisi Allah dan jauhilah perkara yang boleh memberi kemudaran kepada orang lain jika kita tidak membantunya. Oleh itu, pantun diatas sangat sesuai untuk mengungkapkan tentang kebaikan tolong-menolong iaitu seseorang yang menolong orang dalam kesusahan akan dikenang sampai bila-bila walaupun mereka sudah meninggal dunia kebaikan yang diberikan akan tetap menjadi sanjungan masyarakat. Justeru itu, sebagai masyarakat kita haruslah sentiasa bertanya

khobar agar kita dapat menolong orang yang berada dalam kesusahan, oleh itu boleh dilihat menerusi petikan pantun dibawah:

Membeli cincin di Tanjung Karang,

Hendaklah rajin menolong orang.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 5*)

Oleh yang dikatakan sedemikian, pantun di atas menggambarkan sebagai manusia yang budiman sifat tolong-menolong haruslah dipraktikkan dalam kehidupan seharian agar hidup kita diredhai dan dirahmati Allah. Di samping itu, apabila kita selalu mengamalkan sikap tolong-menolong sebagai satu amalan dalam kehidupan nescaya ia akan menerbitkan kedamaian dalam hati dan bahagiannya hidup dikelilingi masyarakat yang prihatin dan baik budinya. Oleh yang demikian, Allah SWT juga akan memberi rahmat, cinta dan kasih sayang atas kebaikan yang telah diberikan sehingga mampu membahagiakan orang lain seperti mana sabda Rasulullah SAW “Barangsiapa yang menolong orang yang sangat memerlukan, maka Allah mencatatnya sebanyak tujuh puluh tiga kemampuan yang mampu mengangkat darjat seseorang pada hari kiamat (Hadis Riwayat Bukhari dan Baihaqi)”. Walaupun dalam Islam tidak ditetapkan cara atau bentuk bantuan untuk menolong seseorang asalkan ia memberi manfaat kepada orang yang ditolong. Justeru itu, pantun di atas sangat sesuai kepada kanak-kanak kerana apa yang ingin disampaikan dalam pantun tersebut dijelaskan secara terus terang dan sebagai ibu bapa haruslah menunjukkan sikap yang baik kepada anak-anak agar mereka apabila kelak dewasa nanti dapat menjadi anak yang selalu menolong orang dan bertanggungjawab meringankan beban orang yang memerlukan pertolongan.

4.2.3 PANTUN MENGHORMATI

Hormat didefinisikan mempunyai pandangan yang tinggi terhadap seseorang dengan memberikan layanan yang penuh sopan santun. Sikap menghormati sangat dituntut dalam agama Islam kerana sebagai anak keperluan menghormati ibu dan bapa serta orang yang lebih tua sangat dititikberatkan dalam masyarakat Melayu kerana golongan ini akan dianggap sebagai penaung, pendidik, penasihat kepada anak-anak. Seterusnya, dalam surah Al-Israk ayat dua puluh tiga Allah SWT berfirman “Dan Tuhanmu sudah perintahkan, supaya engkau tidak menyembahkan melainkan kepadaNya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa sampai kepada usia tua dalam jagaan dan peliharaanmu”. Justeru itu, Islam mendidik umatnya supaya menghormati ibu dan bapa kerana pengorbanan yang telah mereka berikan begitu besar dan tidak ternilai untuk digantikan dengan apa-apa benda di dunia ini. Oleh itu, pantun menghormati salah satu mampu memberikan pendedahan dan pendidikan kepada kanak-kanak dalam membentuk jati diri kanak-kanak ke arah yang lebih baik, sebagai contoh boleh dilihat dalam pantun dibawah:

Burung tempua di pokok meranti,

Orang tua perlulah dihormati.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 4*)

Oleh itu, berdasarkan pantun di atas dapat dirumuskan bahawa pantun tersebut membicarakan tentang sikap hormat-menghormati terhadap orang yang lebih tua. Justeru

itu, sebagai anak wajib menghormati, berbuat baik dan mentaati ibu bapa hal ini sebagai tanda penghormatan tertinggi daripada anak-anak kepada ibu bapa yang telah banyak berjasa dan berkorban demi membesarkan anak-anak. Selain itu, dalam surah Al-Ahqaf ayat lima belas, Allah berfirman “Dan kami wajibkan manusia berbuat baik dan menghormati ibu bapanya, ibu yang sudah mengandungnya dan melahirkannya dengan susah payah”. Namun begitu, kewajipan anak-anak menghormati ibu bapa bukan setakat mereka masih hidup bahkan setelah meninggal pun tidak akan terhenti dengan berdoa supaya mereka mendapat keampunan daripada Allah SWT dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang beriman kerana doa anak-anak adalah senjata bagi ibu bapa yang telah meninggal dunia. Hal ini jelas, sikap menghormati kepada seluruh umat manusia tidak mengira agama dan bangsa adalah suatu amalan yang perlu dipraktikkan berterusan sepanjang masa, oleh itu boleh dilihat menerusi pantun dibawah:

Buah berangan dibawa ke Segamat,

Ciumlah tangan tanda hormat.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 3*)

Berdasarkan pantun di atas dapat dilihat bagaimana pengarang mengaplikasikan sikap menghormati bukanlah hanya sekadar bertutur kata yang baik tetapi tingkah laku yang ditunjukkan menggambarkan sikap menghormati walaupun hanya baru berkenalan. Walau bagaimanapun, unsur alam yang digarapkan dalam pantun ini sebagai pembayang adalah untuk memberi unsur keindahan kerana unsur alam adalah sangat rapat dengan kehidupan kanak-kanak hal ini kerana dengan menggarapkan unsur alam pantun ini akan dapat menarik perhatian terutamanya golongan kanak-kanak dalam mendidik seperti pada

baris maksud “Ciumlah tangan tanda hormat”. Justeru itu, selain ibu bapa yang wajib dihormati dan ditaati bahkan semua golongan perlu dihormati tidak mengira usia. Di samping itu, kewajipan anak-anak menghormati kedua ibu bapa diperkukuhkan lagi dengan sepotong hadith yang diriwayatkan Imam Muslim dan Ahmad yang bermaksud “Apabila mati seseorang anak Adam, maka putuslah amalnya melainkan tiga perkara iaitu sedekah, ilmu bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya”. Oleh itu, sebagai anak yang soleh dan solehah teruslah menabur kebaikan dan menghormati ibu bapa dengan mendoakan dan membaca ayat-ayat suci al-Quran walaupun mereka telah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, boleh dilihat juga contoh pantun di bawah:

Ayah selalu pergi ke bukit,

Waktu lalu tunduk sedikit.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 4*)

Secara rumusnya, berdasarkan pantun di atas dapat dibuktikan bahawa pantun menghormati mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak dan mudah difahami oleh kanak-kanak. Selain itu, pantun di atas membawa maksud “Ayah selalu pergi ke bukit, waktu lalu tunduk sedikit” adalah untuk menggambarkan kepada kanak-kanak kalau seorang ayah boleh menghormati apa yang berada di sekelilingnya apatah lagi kanak-kanak yang diberi didikan dari kecil supaya menghormati orang tua terutamanya ibu bapa adalah perkara yang paling tinggi martabatnya di sisi Allah SWT. Justeru itu, “Keredaan Allah bergantung kepada keredaan ibu bapa dan kemurkaan Allah bergantung kepada kemurkaan ibu bapa” hadis riwayat Imam Tarmizi. Oleh itu, hormatilah ibu bapa dan orang yang lebih tua agar hidup diredhai, diberkati dan dirahmati di dunia dan di akhirat.

4.2.4 PANTUN BERSOPAN SANTUN

Bersopan santun didefinisikan mempunyai atau menunjukkan sopan santun atau berkelakuan baik dan lemah lembut tutur bicaranya. Bersopan santun antara aspek penting dalam pembentukan jati diri atau peribadi mulia masyarakat Seterusnya, dalam masyarakat Melayu sudah menjadi kebiasaannya apabila berselisih dengan orang sambil melemparkan senyuman manis dan ikhlas. Selain itu, dalam Islam sikap bersopan santun terhadap ibu bapa dan orang-orang yang berada disekiling sangat dituntut kerana tingkah laku yang baik mencerminkan keperibadian diri yang baik. Menurut pandangan Basmeih (2000) bersopan santunlah terhadap kedua orang tua dan jika mereka telah lanjut usianya, maka janganlah kita biadab dengannya. Oleh yang dikatakan sedemikian, pantun yang mengetengahkan sikap bersopan santun tersebut ialah:

Pokok nangka di tepi parit,

Jangan suka terjerit-jerit.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 3*)

Oleh itu, berdasarkan pantun di atas dapat dirumuskan bahawa kita haruslah sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan bersopan santun bila bercakap dengan orang yang lebih tua terutamanya bercakap dengan ibu bapa. Selain itu, Za'ba (1950) berpendapat masyarakat Melayu akan memandang rendah terhadap orang yang suka menjerit-jerit apabila bercakap seolah-olah orang dilawan bercakap itu adalah pekak. Justeru itu, peranan ibu bapa dalam memberi didikan sangat penting terutamanya kanak-kanak kerana mereka

antara golongan yang mudah terpengaruh dengan apa yang digambarkan atau berlaku di hadapan mereka. Justeru itu, dengan sikap sopan santun yang ditunjukkan oleh golongan dewasa akan menjadikan mereka lebih berkeperibadian baik dan bersopan santun kerana sikap lemah lembut dan tidak menengking, hal ini akan membuatkan kita akan dipandang tinggi dan disukai oleh masyarakat yang berada di sekeliling malah mereka juga bersama senang dengan sikap lemah lembut dan sopan santun yang ditunjukkan. Walau bagaimanapun, sebagai contoh hal ini juga dapat dilihat menerusi pantun dibawah:

Orang hulu pulang ke Hulu,

Kita perlu senyum selalu.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 3*)

Oleh yang demikian, pantun bersopan santun antara pantun yang mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak kerana pantun bukan sahaja digambarkan sebagai bahan jenaka tetapi ia memberi maksud yang akan memberi manfaat kepada kanak-kanak. Justeru itu, dapat dilihat pantun di atas digambarkan untuk memberitahu kanak-kanak bahawa walaupun kita tidak mengenali seseorang tetapi apabila berselisih dengannya kita perlulah sentiasa senyum dan bermanis muka kerana orang yang suka senyum akan disukai oleh masyarakat. Selain itu, sikap bersopan santun yang ditunjukkan akan mencerminkan keperibadiannya dan maruah keluarga juga dipandang tinggi kerana dapat mendidik anak-anak menjadi insan yang bersopan santun dan baik budi bicaranya. Oleh itu, pantun adalah satu wadah yang mampu memberi tauladan yang baik kepada masyarakat terutamanya kepada kanak-kanak kerana bahasa pantun yang berirama dan mudah difahami

dapat menarik kanak-kanak untuk memperdalam maksud pantun tersebut. Namun begitu, dapat dilihat juga contoh pantun dibawah:

Datuk penghulu pergi ke pasar,

Jangan lalu secara kasar.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 4*)

Kayu dibelah di hujung desa,

Bersopan santunlah setiap masa.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 5*)

Oleh itu, berdasarkan pantun di atas dapat dirumuskan bahawa bersopan santunlah setiap masa agar hidup disenangi dan dihormati oleh sekeliling masyarakat. Seterusnya, menurut Basmeih (2000) ketika interaksi sesama manusia, kita dituntut agar bertutur dengan lemah lembut agar kita terhindar daripada hasutan syaitan. Oleh yang demikian, jadikanlah sikap sopan santun sebagai amalan dalam kehidupan seharian agar hidup dihormati dan disegani ramai masyarakat. Justeru itu, kanak-kanak adalah insan yang menjadi penerus kepada generasi akan datang yang akan memberikan contoh dan tauladan melalui pengungkapan pantun dan warisan pantun tradisional juga dapat terpelihara.

4.2.5 PANTUN PENGHAYATAN WARISAN

Warisan ialah berkaitan dengan sesuatu yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang atau kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Selain itu, warisan juga didefinisikan sebagai hasil peninggalan lama dan ciri tidak ketara sesebuah kelompok atau masyarakat yang diwarisi daripada generasi terdahulu dan dikekalkan sehingga masa kini untuk dipelihara oleh generasi akan datang. Namun begitu, menurut Mohamed Anwar Omar Din (2008) pembentukan jati diri bangsa amat berkait dengan warisan budaya seperti kebudayaan dan kesenian yang dihasilkan oleh masyarakatnya sendiri. Seterusnya, warisan tidak ketara ialah warisan yang dilakukan oleh manusia seperti seni persembahan, muzik, tradisi lisan, lakonan, lukisan dan nyanyian. Seterusnya, warisan yang ditinggalkan pada zaman terdahulu membuka mata masyarakat untuk mengetahui tentang kejadian-kejadian yang menyebabkan warisan itu dianggap sebagai warisan tradisional. Hal ini dikatakan sedemikian, peninggalan warisan sejarah seperti alatan muzik tradisional yang terdahulu memberikan impak yang penting kepada masyarakat untuk mengetahui apa yang berlaku pada zaman dahulu yang ditinggalkan oleh masyarakat pada zaman terdahulu. Walau bagaimanapun, sesebuah warisan haruslah dijaga dan dipelihara oleh semua pihak agar warisan yang ditinggalkan tidak diabaikan kerana setiap peninggalan warisan mempunyai sejarah yang berbeza-beza. Oleh itu, dapat dilihat menerusi pantun dibawah:

Tebu terkenal dengan manisnya,

Muzik tradisional banyak jenisnya.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 15*)

Berdasarkan pantun di atas dapat dirumuskan bahawa warisan muzik tradisional banyak jenisnya dan tanpa alat muzik persembahan yang dilakukan tidak akan sempurna dan kerana itulah ia perlu dipelihara oleh semua masyarakat kerana ia adalah lambang masyarakat Melayu yang penuh dengan keunikan warisan yang ditinggalkan oleh zaman nenek moyang terdahulu. Justeru itu, pantun warisan muzik mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak kerana melalui pantun tersebut kanak-kanak dapat mengaplikasikan warisan tersebut dalam kehidupan mereka dengan memelihara alat muzik dengan sebaiknya kerana ia adalah lambang warisan Melayu yang mempunyai nilai, hal ini turut disokong oleh Pihak Kementerian Pelajaran menurut Zaiti Satibi secara langsung bertemu dengan Norazlena guru penasihat Ahli Kelab Angklung Wariseni memberitahu bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Sri Muda, Shah Alam sudah terlibat dalam peringkat antrabangsa dan sering menerima jemputan di seluruh negara termasuk mengiringi tetamu kenamaan. Oleh itu, hal ini menunjukkan bahawa persembahan alat muzik tradisional masih diterima ramai tetapi ia perlulah ada usaha supaya seni warisan muzik tradisional itu tidak terus hilang ditelan zaman. Selain itu, sebagai contoh boleh dilihat dalam pantun dibawah:

Di tepi selat tanahnya lembap,

Ada alat dinamakan rebab.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 15*)

Oleh yang dikatakan sedemikian, melalui pantun tersebut pengarang ingin mengungkapkan tentang jenis-jenis alat muzik seperti rebab. Rebab adalah sejenis alat muzik bertali menggunakan penggesek dan mempunyai tiga utas tali daripada dawai logam.

Selain itu, rebab ini digunakan dalam muzik mengiringi persembahan Mak Yong, Peteri, dan Selampit di Kelantan. Justeru itu, persembahan tanpa alat muzik tidak akan sempurna kerana alatan muzik mempunyai nilai yang tersendiri dan harus dipelihara sehingga sampai kepada generasi akan datang. Seterusnya, menurut pengarah muzium muzik, Rohani Husin berkata sejarah alat muzik sudah bermula era prasejarah memperlihatkan bagaimana ia berkait dengan pelbagai sisi dalam kehidupan manusia termasuk dalam sistem kepercayaan dan struktur sosial masyarakat. Oleh itu, dengan adanya pantun berkenaan warisan muzik, kanak-kanak akan mudah mengetahui tentang warisan muzik tradisional yang mempunyai daya tarikan dan nilai keindahan dengan itu mereka akan lebih menghargai warisan negara dan cuba mengaplikasikan warisan tersebut dalam kehidupan mereka. Namun begitu, boleh dilihat juga pantun di bawah yang mengetengahkan alat muzik seperti Nafiri:

Ukiran terpahat pelbagai corak,

Nafiri diperbuat daripada perak.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 17*)

Oleh itu, boleh dirumuskan pantun di atas adalah untuk menjelaskan tentang alatan muzik seperti nafiri yang jarang diketahui oleh masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak yang diperbuat daripada perak. Justeru itu, pendedahan seperti dalam pantun di atas sangat penting kepada kanak-kanak kerana kebanyakan kanak-kanak pada masa kini tidak ramai yang mengenali warisan muzik tradisional dan kebiasaannya mereka hanya tentang alatan muzik seperti serunai, rebana, kompang dan gong. Seterusnya, nafiri merupakan alat muzik tradisional yang bentuknya mirip dengan terompet dan nafiri merupakan alat tiupan horn yang mengeluarkan bunyi yang sayup lagi menggerunkan dan diperbuat daripada

perak. Oleh yang dikatakan sedemikian, menurut Rohani Husin muzium muzik sendiri memaparkan ratusan alat muzik tradisional daripada pelbagai kaum dan etnik di negara ini, selain alat muzik gamelan dan nobat nafiri dimainkan sejak zaman kesultanan Melayu. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mendedahkan kepada kanak-kanak tentang alatan muzik tradisional melalui pantun ia mudah difahami oleh kanak-kanak dan mampu membentuk jati diri kanak-kanak tentang warisan negara. Selain itu, boleh dilihat juga contoh pantun warisan mainan tradisional orang Melayu:

Kaki kanan tersepak kayu,

Congkak permainan orang Melayu.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 30*)

Justeru itu, berdasarkan contoh pantun diatas dapat dirumuskan bahawa permainan tradisional seperti congkak merupakan warisan nenek moyang terdahulu. Pantun di atas digarapkan adalah untuk memberitahu masyarakat bahawa congkak adalah permainan tradisional orang Melayu pada suatu ketika dahulu yang amat digemari oleh golongan kanak-kanak bahkan juga orang dewasa. Namun begitu, dalam era globalisasi yang semakin canggih dengan teknologi terkini permainan congkak semakin dipinggirkan oleh masyarakat pada zaman sekarang terutamanya golongan kanak-kanak yang semakin ghairah bermain permainan di dalam telefon. Hal ini dikatakan sedemikian, permainan congkak bukan sahaja untuk mengisi masa lapang akan tetapi ia juga memiliki potensi dalam perkembangan anak-anak dari segi kognitif. Walau bagaimanapun, permainan congkak bukan sahaja mengajar erti bersabar tetapi ia adalah untuk mengajar bagaimana untuk mengatur strategi apabila ingin menandingi pihak lawan dengan melihat teknik-

teknik yang digunakan, hal ini bahkan berguna kepada kanak-kanak jika mereka sedang menghadapi musuh (orang yang dijahati). Oleh itu, dengan adanya pantun diatas kanak-kanak dapat menghayati warisan tradisional bukan sahaja untuk mengisi masa lapang akan tetapi ia juga memberi pendidikan dengan menjadikan ia sebagai permainan yang tidak pernah hilang ditelan zaman. Oleh yang dikatakan sedemikian, boleh lihat juga contoh pantun dibawah:

Doakan kekal negara makmur,

Makyung terkenal di Pantai Timur.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 30*)

Oleh itu, berdasarkan contoh pantun di atas dapat dirumuskan bahawa pantun tersebut untuk untuk memberitahu masyarakat bahawa Makyung adalah warisan budaya tradisional masyarakat Melayu yang terkenal di negeri Kelantan yang mempunyai sejarah dan keunikan yang tersendiri. Makyung secara umumnya adalah warisan tradisional yang menggabungkan nyanyian, lakonan, busana, muzik dan pergerakan seperti ritual tujuan untuk penyembuhan. Namun begitu, hari demi hari warisan Makyung kini semakin dipinggirkan dalam tradisi masyarakat kerana mereka beranggapan bahawa Makyung adalah sebuah ritual yang boleh mendatangkan kesan yang negatif kepada golongan muda. Menurut As. Hardy (2016) beliau menegaskan bahawa Makyung bukanlah membawa kepada unsur khayalan tetapi sebaliknya mengingatkan kepada masyarakat terhadap hakikat sebenar dan makna kewujudan alam. Oleh yang dikatakan sedemikian, sebagai masyarakat kita haruslah memertabatkan warisan budaya tidak ketara seperti Makyung agar generasi muda dapat mengenali warisan tradisional terdahulu bukan sahaja untuk hiburan

tetapi juga untuk penyembuhan segala penyakit. Oleh itu, dengan adanya pantun dua kerat dia sangat memberi pendedahan kepada golongan kanak-kanak agar menghargai warisan tradisional selain dapat membentuk jati diri kearah yang lebih baik lagi.

4.2.6 PANTUN KEBUDAYAAN KAUM

Kebudayaan merupakan seluruh aspek pemikiran dan cara hidup sesuatu masyarakat serta tingkah laku manusia yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain. Menurut pandangan barat iaitu John J.Macionis (1987) mengatakan budaya juga dilihat sebagai kepercayaan, nilai, tingkah laku dan objek kebendaan yang dikongsi bersama oleh sekumpulan penduduk yang tertentu. Namun begitu, kebudayaan di Malaysia dilihat berdasarkan aspek persamaan dan perbezaan cara hidup. Selain itu, Malaysia adalah sebuah negara yang penuh dengan keunikan dan terdapat banyak aspek yang mempengaruhinya seperti cara pemakanan, sambutan perayaan, pemakaian tradisional dan pelbagai lagi. Walau bagaimanapun, E.B. Taylor (1958) berpandangan budaya adalah sebuah kompleks yang merangkumi pelbagai bidang. Di samping itu, Malaysia adalah negara yang berbilang kaum yang merangkumi Melayu, India dan Cina yang kaya dengan budayanya. Kebudayaan adalah suatu perkara yang sentiasa berubah-ubah hal ini sesuai dengan situasi penduduk yang berbilang kaum yang mewarisi pelbagai budaya. Oleh itu, pantun kebudayaan kaum mampu membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak kerana melalui pantun tersebut kanak-kanak dapat mengaplikasikan perkara tersebut dalam kehidupan mereka dengan menghormati semua kaum yang berada di sekeliling mereka.

Oleh yang demikian, boleh dilihat menerusi pantun dibawah yang membicarakan tentang pantun kebudayaan kaum:

Memburu rusa di tepi paya,

Semua bangsa kaya budaya.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 27*)

Berdasarkan pantun di atas, dapat dirumuskan bahawa pantun tersebut ingin mengungkapkan kepada masyarakat bahawa bangsa di Malaysia kaya dengan budaya yang tersendiri. Hal ini tidak dapat dinafikan kaum di Malaysia yang terbesar merangkumi Melayu, Cina dan India mempunyai budaya yang unik dan berbeza akan tetapi jika dilihat pada masa kini mereka telah menjadi satu masyarakat yang berbilang kaum dan saling berkongsi budaya masing-masing. Selain itu, Menurut Edward Burnett yang berpandangan kebudayaan sebagai keseluruhan yang mengandungi unsur didalamnya terkandung pengetahuan, adat istiadat, kepercayaan, kesenian, hukum dan kemampuan-kemampuan yang lain yang didapat oleh masyarakat. Hal ini dikatakan sedemikian, melalui pengetahuan apabila sesebuah masyarakat hidup bersama secara harmoni hal ini bahkan menjadikan mereka akan mempelajari adat dan amalan yang berbeza-beza dalam kalangan mereka yang berbilang kaum. Oleh itu, sebagai masyarakat yang berbilang kaum haruslah saling menghormati dan bekerjasama antara satu sama lain bagi mewujudkan kehidupan yang harmoni dan bahagia. Justeru itu, boleh dilihat juga pantun di bawah yang menggambarkan tentang kebudayaan masyarakat Cina, India dan Melayu:

Bunga raya pelbagai warna,

Cingge budaya orang Cina.

Membeli pakaian di jalan Pudu,

Deepavali perayaan orang Hindu.

Sebagai penyambut datang awal,

Aidilfitri disambut satu syawal.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 28*)

Oleh yang dikatakan sedemikian, pemikiran pantun di atas adalah untuk mengungkapkan bahawa terdapat banyak kebudayaan kaum di Malaysia dan turut memaparkan budaya yang terdapat di Malaysia. Justeru itu, dengan adanya pantun berikut golongan kanak-kanak dapat mengetahui budaya setiap kaum seperti Melayu, India dan Cina hal ini bahkan mampu membentuk jati diri mereka agar menghormati setiap masyarakat walaupun berbeza kaum. Selain itu, boleh dilihat menerusi maksud rangkap pantun “Cingge budaya orang Cina” bermaksud Cingge adalah perarakan kebudayaan sekumpulan orang khususnya orang Cina di Pulau Pinang yang secara bergilir-gilir menjulang dan mengimbangi sebatang tiang yang diikat bendera besar bersegi tiga. Walau bagaimanapun, disini juga dijelaskan tentang perayaan seperti perayaan Aidilfitri yang disambut seluruh umat kaum umat Islam pada satu syawal yang menentengahkan budaya

kunjung mengunjung antara jiran dan sanak-saudara bagi merapatkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain dan tidak lengkap hidangan kuih tradisional tanpa ketupat. Seterusnya, perayaan Deepavali adalah perayaan bagi golongan yang beragama hindu iaitu kaum India dan mengekalkan budaya mereka iaitu hampir sama dengan hiasan kolam yang diperbuat daripada beras yang diwarnakan dan beberapa kuih tradisional masyarakat Hindu yang menjadi pilihan masyarakat iaitu murukku. Oleh itu, pantun di atas adalah mampu yang mampu membentuk jati diri kanak-kanak agar lebih menghormati masyarakat yang berbilang kaum. Walau bagaimanapun, boleh dilihat juga pantun dibawah:

Berambut ikal tidur di ranjang,

Iban tinggal dirumah panjang.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 29*)

Oleh yang dikatakan sedemikian, pantun di atas juga adalah untuk mengungkapkan bahawa kaum Iban adalah penduduk peribumi dan kaum majoriti di Sarawak dan tinggal dirumah panjang. Kaum Iban majoriti adalah penganut kristian dan selebihnya menganuti agama islam. Namun begitu, tidak dapat dinafikan kaum Iban telah mendiami segenap pelusuk Sarawak Bumi Kenyalang dengan membawa sastera mereka sekali yang unik seperti kain pua dan lain-lain. Oleh itu, kaum Iban juga mempunyai keunikan yang tersendiri seperti kaum Melayu, Cina dan India. Oleh yang sedemikian, dengan adanya pendedahan seperti yang dikemukakan dalam pantun diatas sangat membantu kanak-kanak dalam mengenali kaum-kaum yang terdapat di Malaysia hal ini kerana kebanyakan kanak-kanak pada masa kini tidak mengenali apa itu budaya kaum-kaum yang terdapat di

Malaysia. Justeru itu, adanya pantun tersebut membuka mata mereka bahawa setiap kaum mempunyai keunikan budaya yang tersendiri.

4.3 KEINDAHAN PANTUN KANAK-KANAK BERDASARKAN TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU.

Pantun dicipta untuk memenuhi pelbagai fungsi dan keadaan yang berlaku di sekelilingnya. Hal ini menurut Alwi Salim (1983) kegunaan pantun meliputi semua perkara iaitu untuk mendidik seperti memberi nasihat atau membentuk moral yang baik terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Seterusnya, keindahan bermaksud kecantikan atau kebanyakan pantun menekankan nilai keanehan bagi melihat pantun itu kelihatan unik dan menarik. Teori puitika sastera Melayu sebagai teori sastera tempatan yang digagaskan oleh Muhammad Haji Salleh (1989) dan salah satu kekuatan dan keunggulan kesusasteraan Melayu Klasik pada Muhammad Haji Salleh ialah kerana nilai keindahan yang digambarkan di dalam karya-karya kesusasteraannya. Justeru itu, teori ini banyak memberi pendedahan kepada pembaca atau pengkritik meneroka karya-karya kesusasteraan Melayu atau pantun bagi tujuan mengangkat nilai keindahan pantun disamping mencari makna disebalik keindahan teks tersebut dalam pantun. Namun begitu, dalam genre pantun dimana teks dalam pantun tersebut mempunyai kata-kata indah yang diungkapkan dalam pantun tersebut. Teori puitika sastera Melayu memberi kekuatan dari segi pengkarya cuba mengangkat nilai keindahan teks pantun di samping mencari makna disebalik keindahan yang berhubung kait dengan budaya, sikap, pandangan hidup, alam sekitar dan sejarah

masyarakat Melayu itu sendiri. Walau bagaimanapun, teori puitika sastera Melayu juga berfungsi sebagai teori yang mengungkapkan nilai keindahan yang terdapat dalam karya-karya kesusasteraan seperti pantun dan lain-lain, teori ini juga menjelaskan bagaimana pengarang menggunakan bahasa-bahasa yang indah dalam setiap penghasilan karya yang dihasilkan seperti contoh dalam pantun, sajak dan lain-lain dimana kebanyakan setiap pengarang akan menggunakan bahasa yang indah dalam penghasilan karya mereka kerana setiap bahasa yang digunakan mencerminkan keindahan bahasa yang mempunyai makna. Oleh itu, dalam analisis ini pengkaji akan mengaitkan keindahan pantun kanak-kanak dengan mengaplikasikan teori puitika sastera Melayu.

4.3.1 MAINAN KIASAN DAN SARANAN

Pantun terkenal dengan strategi pemaknaan yang secara canggih melayangkan citra dan makna di hadapan mata kasar serta mata hati khalayaknya. Hal ini dikatakan sedemikian, walaupun terdapat baris-baris yang menggambarkan secara langsung tetapi yang unggul ialah kesan dan makna yang disampaikan secara halus dan hampir tidak terasa. Selain itu, citra yang digambarkan juga lebih bersifat, mengejek, menyentuh atau menggoda itu dikatakan lebih berseni dan lebih menepati nilai-nilai pantun yang baik (Muhammad Hj Salleh, 2006, p. 219). Seterusnya, dalam pantun dua kerat satu baris pertama itu adalah pembayang dimana pembaca atau pendengar dipersiapkan bukan hanya dari segi pelayanan makna tetapi juga dari segi susunan muzik dan emosi dalam pantun tersebut. Namun begitu, teknik yang digunakan juga telah ditetapkan dan hanya yang peka,

halus dan matang dapat digunakan. Justeru itu, perihal tentang kiasan membawa pembaca kepada dunia yang sebenar tetapi samar yang tergambar dalam dunia perasaan manusia seperti ia membawa pembaca dunia magis atau lebih kepada berimajinasi (Muhammad Hj Salleh, 2006, p. 220). Oleh itu, tidak dapat dinafikan mainan kiasan dan saranan menjadi suatu teknik yang disukai oleh setiap pengarang dan juga pembaca kerana dia secara tidak langsung memberi keunikan dalam mengungkapkannya dan hal ini boleh dilihat menerusi pantun kanak-kanak dibawah:

Tinggi mengawan Gunung Daik,

Hendaklah berkawan dengan baik.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 6*)

Berdasarkan petikan di atas pengarang menggunakan mainan kiasan dan saranan dalam pantun diatas tujuannya untuk mengejek menggunakan bahasa yang halus seperti pada baris pertama iaitu pembayang “Tinggi mengawan Gunung Daik” disini pengarang ingin mengajak pembaca bersama-sama memikirkan apa yang ingin diperkatakan dalam baris pembayang tersebut. Justeru itu, dalam pembayang tersebut seperti yang kita ketahui gunung daik dikatakan sebagai lambang tinggi keperibadian dan penghalusan budi. Oleh itu, boleh dilihat dalam baris kedua iaitu baris maksud “Hendaklah berkawan dengan baik” bagaimana pengarang menggunakan citra manusia sebagai maksud kepada pembayang diatas adalah untuk mengejek atau memberi tauladan kepada manusia dalam berkawan kita haruslah menunjukkan sikap yang baik dan jangan jadikan sikap yang negatif membawa keburukan dalam berkawan seperti kata pepatah jangan jadi “Bagai duri dalam daging”. Oleh yang dikatakan sedemikian, pembayang akan membuat pendengar atau pembaca turut

serta dalam memberikan makna pada baris-baris tersebut dan inilah yang dikatakan memberi tarikan utama kepada pembaca terutamanya kepada kanak-kanak. Walau bagaimanapun, boleh dilihat juga pantun dibawah:

Untuk maju usaha ditingkatkan,

Kalau bersetuju disebut berkenan.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 11*)

Oleh yang sedemikian, berdasarkan pantun di atas dapat dilihat pantun juga dipilih untuk upacara adat istiadat untuk menyalurkan kepekaan dan kehalusan sopan santun hubungan antara sesama manusia sebagai contoh untuk meneka perasaan orang yang sedang dikunjungi seperti acara merisik yang tergambar dalam pembayang di atas yang berbunyi “Untuk maju usaha ditingkatkan” dimana pemikiran pada baris tersebut adalah untuk memberitahu pembaca atau pendengar jika bersungguh-sungguh ingin jadikan seorang gadis sebagai teman hidupmu haruslah menunjukkan sikap yang berani dan bersungguh-sungguh dengan berjumpa ibu bapa gadis tersebut. Justeru itu, citra yang bersesuaian, suara yang lemah lembut dan bersopan santun, asosiasi bunyi serta makna yang membenarkan jawapan atau penolakan menjadi kunci untuk membuka pintu hati ibu bapa seorang gadis yang ingin dilamar. Oleh itu, boleh dilihat betapa citra dan makna diletakkan dalam keadaan “Kalau” sekiranya lamarannya ditolak dapat berundur dengan dalam keadaan yang berhormat seperti yang digambarkan pada baris maksud “Kalau bersetuju disebut berkenan”. Oleh itu, bahasa kiasan serta saranan menjadi alat paling selamat dan dapat menghindarkan diri daripada mendapat malu kerana tidak secara langsung membicarakan tentang gadis yang ingin dilamarnya.

4.3.2 SESUAI DAN PATUT

Nilai keindahan yang sering ditemui dalam karya-karya sastra seperti pantun ialah apa yang disebutkan sebagai “Patut”. Selain itu, dalam konteks umum patut adalah sesuai dengan keadaan atau tidak melawan arus atau tidak janggal. Seterusnya menurut Muhammad Hj Salleh (2006, p. 230) dalam istilah seni, patut membawakan makna yang khusus yang sesuai dengan baris dalam konteks pantun tersebut bahkan patut juga bermaksud terpilih dan tetapi terpilih mengikut kesesuaian. Walau bagaimanapun, istilah patut mengikut kefahaman Melayu adalah patut juga boleh sederhana dan tidak melebihi sempadan. Oleh itu, patut yang dijelaskan disini adalah sesuai untuk sesuatu konteks dan bertepatan dengan nilai kesederhanaan. Hal ini dikatakan sedemikian, selalunya pengarang akan menggunakan pelbagai bentuk dan kata yang sesuai untuk mengaitkan antara kata dalam baris mengikut kesesuaian dan patut, hal ini dapat dilihat menerusi rangkap pantun dibawah:

Sepasang burung membuat sarang,

Bercakap bohong dibenci orang.

(*Teks Adik Sayang pantun: 6*)

Berdasarkan pantun di atas, dapat dilihat bagaimana pengarang mengaitkan kata-kata yang sesuai dalam sebaris untuk menggambarkan bahawa orang yang suka bercakap bohong akan disisih dan dibenci oleh semua manusia. Justeru itu, kebanyakan pengarang akan menggunakan perkataan yang tidak melawan apa yang ingin dijelaskan, hal ini dapat

dilihat menerusi baris pantun “Bercakap bohong dibenci orang”, oleh yang demikian bohong disini bermaksud suka menipu atau putar belit ayat yang berlainan daripada perkara yang sebenarnya. Justeru itu, perkataan dibenci ialah tidak disukai orang kerana perbuatan atau tingkah lakunya dan ini sangat sesuai dengan keselarasan kata-kata pada baris tersebut bahawa bercakap bohong dibenci ramai orang. Oleh itu, sebagai seorang pengarang mereka akan melihat sesuatu kata-kata itu sesuai atau patut kerana kejayaan seseorang pengarang dalam menghasilkan sesebuah pantun dilihat pada kata-kata atau nilai yang ingin diketengahkan dalam pantun tersebut. Untuk menguatkan lagi pernyataan diatas boleh dilihat juga contoh rangkap pantun tersebut:

Pakaian puteri pelbagai warna,

Perbuatan mencuri sangat hina.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 5*)

Oleh itu, berdasarkan pantun di atas dapat dilihat pantun tersebut ingin memberitahu bahawa perbuatan mencuri adalah perbuatan yang sangat hina dan boleh mendatangkan keburukan kepada diri sendiri bahkan juga kepada orang-orang disekeliling. Selain itu, disini pengarang ingin menjelaskan bahawa kesesuaian kata sangat mempengaruhi nilai yang ingin diketengahkan dalam baris tersebut. Namun begitu, kata-kata dalam baris pantun tersebut tidak melebihi sempadan maksud yang ingin disampaikan seperti mencuri adalah mengambil barang atau benda secara senyap atau sembunyi-sembunyi adalah perbuatan yang keji dan hina kerana mengambil hak orang tanpa memberitahu dan ini boleh memberi kesan kepada individu yang menjadi mangsa kecurian tersebut. Oleh itu, sesuai dan patut yang dijelaskan dalam teori puitika sastera Melayu

adalah untuk melihat keindahan kata-kata yang digarapkan dalam sebuah karya seperti pantun sangat dititikberatkan pemilihan kata kerana selain memberi pemahaman apa yang ingin dinyatakan ia juga sangat penting untuk memilih kesesuaian atau patut kata tersebut digunakan. Seterusnya boleh dilihat juga rangkap pantun dibawah:

Bujang Lapuk bangun awal,

Jangan menyampuk orang berbual.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 4*)

Hal ini dikatakan sedemikian, berdasarkan pantun di atas perbuatan menyampuk ketika orang berbual adalah perbuatan yang tidak elok dan harus dijauhi setiap manusia. Justeru itu, dalam menghasilkan sesebuah pantun pengarang akan menggunakan kata-kata yang sesuai atau patut dengan apa yang disampaikan kepada khalayak pembaca atau pendengar, hal ini boleh dilihat pada baris pantun “Jangan menyampuk orang berbual”, kesesuaian kata menyampuk diikuti dengan orang berbual adalah sangat sesuai. Oleh itu, sifat-sifat yang ditunjukkan membantu dalam menilai bahasa yang peka dengan citra kehidupan yang terjadi pada masa kini. Justeru itu, pantun ini sangat sesuai dalam membentuk jati diri kanak-kanak selain keindahan bahasa yang digunakan sesuai dan patut ia juga memberi didikan kepada kanak-kanak.

4.3.3 KEINDAHAN SAMA UKURAN

Keindahan pantun terletak kepada nilai harmoni dan imbangan yang menjadikan sesebuah pantun kelihatan baik. Menurut Muhammad Hj Salleh (2006, p. 226) nilai penting akan dimanifestasikan dalam bentuknya kerana bentuk juga menzahirkan keindahan sesebuah pantun. Oleh yang demikian, bentuk terdiri daripada baris-baris pembayang yang mempunyai jumlah suku kata yang sama ukuran, bunyi dan rentak yang terhasil oleh rima akhir yang sama dan menarik. Hal ini dikatakan sedemikian sebuah pantun diibaratkan seperti rumah yang cukup sempurna kerana sebuah pantun yang baik mempunyai keselarasan bentuk yang sama ukuran. Selain itu, dari segi struktur bentuk pada bahagian pertama mestilah ada saling perkaitan dengan baris kedua dan baris kedua pada pantun dua kerat haruslah tidak berlebih-lebihan, hal ini sekiranya dijumlah akan mempunyai pasangan yang tepat. Oleh itu, sebagai contoh boleh dilihat dalam rangkap pantun dua kerat dibawah:

Kampung Hulu indah permai,

Kompang dipalu beramai-ramai.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 27*)

Berdasarkan pantun di atas, dapat dapat kita perhatikan dalam contoh diatas bahawa pengarang ingin menunjukkan sama ukuran yang sempurna dalam pembayang dan maksud pantun tersebut. Walau bagaimanapun, unik sesebuah pantun adalah bergantung kepada sama ukuran atau struktur binaan yang dihasilkan untuk menjadikan pantun yang indah dan berseni. Seterusnya, kesempurnaan ini dapat dilihat apabila pengarang menggarapkan

jumlah kata antara baris pertama dan baris kedua antara lapan hingga sepuluh suku kata dan apabila membaca pantun tersebut pergerakan atau permainan bunyi ayat di belakang pada baris pertama “Permai” seakan sama sebutan dengan ayat pada baris kedua “Beramai-ramai”, di sini dapat dilihat secara jelas bahawa sama ukuran menjadi salah satu perkara yang harus dititikberatkan oleh pengarang dalam menghasilkan sebuah pantun yang berirama dan berseni kerana pantun yang baik akan memenuhi ciri-ciri sesebuah pantun mengikut tuntutananya. Namun begitu, boleh dilihat juga pada rangkap pantun dibawah:

Diperbuat kerusi daripada kayu,

Anyaman tradisi orang Melayu.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 30*)

Oleh itu berdasarkan contoh pantun di atas boleh dilihat bagaimana sama ukuran diaplikasikan dalam pantun tersebut seperti bunyi irama pada akhir baris “Kayu” dan “Melayu” seakan senada apabila menyebutnya. Selain itu, boleh dilihat juga bentuk ini juga terdiri daripada bahagian yang mempunyai makna yang seimbang atau seakan sama antara satu sama lain iaitu pada baris pembayang dan pada baris maksud, hal ini dikatakan sedemikian, baris-baris pembayang dan maksud akan mempunyai jumlah suku kata yang sama ukuran begitu juga dengan bunyi dan irama muzik. Justeru itu, menurut Muhammad Hj Salleh (2006, p. 227) sama ukuran bukan sahaja terlihat pada pandangan mata tetapi juga dilihat pada apa yang disebutkan hampir-hampir dalam suatu silogisma. Oleh itu, sama ukuran yang digarapkan dalam sesebuah pantun adalah untuk memberi keindahan atau keunikan pada sesebuah pantun dan pantun dua kerat antara pantun yang mudah difahami

dalam golongan kanak-kanak dan hal ini secara tidak langsung akan membentuk jati diri mereka menjadi orang yang lebih menghargai pantun Melayu.

4.3.4 KEINDAHAN DUNIA BERJODOH IAITU ALAM SEMULA JADI DAN ALAM KEHIDUPAN MANUSIA

Dalam penciptaan pantun banyak menyentuh berkaitan alam semula jadi dan alam kehidupan manusia kerana manusia dan alam saling berkait. Selain itu, unsur alam berkait dengan kehidupan manusia kerana masyarakat zaman dahulu menggambarkan kehidupan mereka dengan mengaitkan unsur alam. Justeru itu, menurut Muhammad Hj Salleh (2006, p. 224) menyatakan alam dan manusia hanyalah dua belahan kepada satu kewujudan yang sama iaitu belahan pertama akan melengkapkan belahan kedua dan sebaliknya. Seterusnya, dalam dunia manusia alam menjadi ruang lahiriah iaitu dunia luar diri, perasaan dan fikiran manusia. Unsur alam yang digarapkan dalam pantun Melayu adalah untuk menambah nilai keindahan sesebuah pantun dengan perlambangan simbol alam yang digunakan, hal ini dapat dilihat menerusi pandangan Muhammad Haji Salleh (2002) yang menyatakan bahawa simbol perlambangan alam adalah suatu aspek yang penting dalam pantun dalam menentukan nilai estetikanya. Hal ini dikatakan sedemikian, baris pembayang dalam pantun adalah melukiskan tentang alam atau dunia yang wujud di luar diri manusia seperti suasana, pemandangan, latar, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya diperincikan secara halus dalam rangkap pembayang. Selain itu, pada rangkap maksud akan

menggambarkan kehidupan dunia manusia, fikiran dan perlakuan kehidupan manusia. Oleh yang sedemikian, hal ini dapat dilihat menerusi pantun dibawah:

Pokok nangka ditepi parit,

Jangan suka terjerit-jerit.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 3*)

Berdasarkan pantun di atas dapat dijelaskan bahawa pada baris pertama iaitu baris pembayang pengarang menggunakan unsur alam seperti “Pokok nangka di tepi parit” adalah untuk memberi keindahan atau keunikan kepada pembaca kerana manusia dan alam tidak boleh dipisahkan, hal ini kerana setiap perbuatan atau kelakuan selalunya dikaitkan dengan unsur alam seperti yang digarapkan pada baris maksud “Jangan suka terjerit-jerit”, walaupun ia tidak dijelaskan secara langsung tetapi boleh dilihat bahawa maksud tersebut adalah ditujukan kepada manusia supaya menjaga tingkah laku sebagai seorang manusia. Oleh itu, hal ini terbukti bahawa manusia dan alam mempunyai satu kewujudan yang saling berkait bahkan masyarakat terdahulu sering menjadikan alam sebagai ungkapan berkias dalam menegur atau mendidik manusia. Selain itu, boleh dilihat juga pada rangkap pantun dibawah:

Bunga seroja cantik berseri,

Anak raja perempuan ialah puteri.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 9*)

Oleh itu, berdasarkan pantun di atas dapat dirumuskan bahawa pengarang menggunakan unsur alam seperti flora “Bunga seroja cantik berseri” yang menggambarkan bunga itu adalah disifatkan kepada wanita yang mempunyai rupa yang cantik dan lemah lembut bahkan dalam baris maksud juga dikaitkan dengan wanita “Anak raja perempuan ialah puteri”, hal ini dapat lihat bagaimana pengarang mengaplikasikan alam flora untuk dikaitkan dengan wanita walaupun ianya hanya untuk memberitahu masyarakat bahawa gelaran untuk panggilan seorang anak raja perempuan adalah “Puteri”. Justeru itu, ia tidak dapat dinafikan bahawa unsur alam mempunyai makna atau lambang yang tersendiri untuk menunjukkan atau menyatakan sesuatu meskipun diungkapkan secara tersirat. Oleh yang dikatakan sedemikian, boleh dilihat bagaimana pengarang bermula dengan dunia alamiah dan berakhir dengan dunia perlakuan manusia. Di sinilah dapat dilihat bagaimana kedua-dua dunia saling meniru keadaan. Di samping itu, boleh dilihat juga menerusi rangkap pantun dibawah:

Pisau belati matanya lebar,

Kita mesti banyak bersabar.

(*Teks Adik Sayang Pantun: 5*)

Berdasarkan pantun di atas, dapat dilihat bagaimana pengarang menggunakan unsur alam iaitu “Pisau Belati” seperti yang diketahui hulu pisau tersebut adalah diperbuat daripada kayu jenis teras seperti kemuning hitam, sepetir atau serian emas, hal ini dikaitkan dalam pantun tersebut kerana kegigihan seseorang pembuat senjata adalah sangat mencabar kerana kayu jenis tersebut sangat susah untuk dicari dan belati juga susah untuk dibentuk. Justeru itu, setiap kata-kata yang digarapkan pada baris pembayang mempunyai makna dan

fungsi untuk dikaitkan pada baris maksud “Kita mesti banyak bersabar”, hal ini boleh dilihat bagaimana pengarang memasukkan unsur alam bagi memperkukuhkan maksud tersebut. Oleh itu, boleh dilihat bagaimana pengarang bermula dengan dunia alamiah dan berakhir dengan dunia perasaan manusia. Namun begitu, kebanyakan pada baris maksud pengarang kebiasaan dipenuhi dengan citra kehidupan manusia terutama berkaitan dengan perasaan atau tingkah laku.

4.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan tentang dapatan kajian dengan mengaplikasikan dua objektif utama yang telah dibuat berdasarkan tajuk kajian iaitu “Pemberdayaan jati diri kanak-kanak dalam teks Adik Sayang Pantun”. Justeru itu, pantun adalah salah satu penyampaian atau kaedah yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu situasi atau perkara yang dihadapi. Seterusnya unsur alam yang digarapkan dalam pantun ini adalah untuk memberitahu bahawa masyarakat Melayu dan alam sangat berkait rapat kerana masyarakat Melayu terdahulu menjadikan alam sebagai gambaran kehidupan mereka. Selain itu, penciptaan pantun adalah untuk memenuhi pelbagai fungsi iaitu untuk mendidik dan membentuk jati diri kanak-kanak ke arah keperibadian yang mulia. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa pantun adalah hasil rakaman pemikiran masyarakat Melayu untuk mengungkapkan segala yang terjadi disekeliling termasuk nilai dan etika mereka. Hal ini dikatakan sedemikian, pantun adalah wadah penyampaian yang sangat sesuai untuk

menyampaikan dan menjelaskan sesuatu termasuk berkenaan dengan nilai, akal, budi dan pandangan alam.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 PENGENALAN

Bab ini akan merumuskan secara keseluruhan tentang hasil kajian terhadap pemberdayaan jati diri kanak-kanak menerusi teks *Adik Sayang Pantun* dengan mengetengahkan beberapa tema untuk melihat keberkesanan pantun kanak-kanak dalam membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak serta mengaplikasikan Teori Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Hj Salleh untuk memperlihatkan keindahan atau estetika terhadap pantun Melayu. Selain itu, pantun merupakan rakaman pengalaman dan pemerhatian peribadi seseorang pemantun dalam menjalani kehidupan seharian. Seterusnya, pengalaman dan pemerhatian tersebut diungkapkan semula dalam baris-baris rangkap pantun untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat dan pantun kanak-kanak antara pantun yang mampu membentuk jati diri atau keperibadian menjadi lebih baik. Justeru itu, pantun adalah suatu genre yang sangat penting dalam kesusasteraan Melayu Tradisi kerana ia memaparkan fungsi dan peranannya yang penting sebagai saluran untuk menyampaikan sesuatu gagasan kepada masyarakat. Oleh yang dikatakan sedemikian, hasil kajian ini juga akan memperlihatkan implikasi dan cadangan melalui kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji.

5.2 RUMUSAN KAJIAN

Kajian ini berlandaskan dengan melihat PKK dalam membentuk pemberdayaan jati diri diri melalui teks *Adik Sayang Pantun* dengan mengaplikasikan teori Puitika Sastera Melayu. Oleh itu, tidak dapat dinafikan kajian ini akan membuka mata masyarakat bahawa PKK sangat penting dalam mendidik atau membentuk jati diri kanak-kanak menjadi seorang yang berkeperibadian yang baik serta melihat keindahan pantun bukan hanya sekadar memberi hiburan semata-mata tetapi banyak memaparkan makna yang tersirat dan didaktik dalam penyampaiannya. Selain itu, dapat dirumuskan bahawa kajian ini terdapat merangkumi lima bahagian iaitu pengenalan, kajian literatur, metodologi kajian, dapatan kajian atau analisis dan rumusan secara keseluruhan kajian. Justeru itu, kelima-lima bahagian tersebut menjadi akar tunjang dalam menghasilkan kajian ini.

Seterusnya, dalam bab satu iaitu bahagian pengenalan secara keseluruhannya membincangkan tentang latar belakang kajian, objektif kajian, permasalahan kajian dan persoalan kajian. Di samping itu, daripada kajian yang telah dijalankan PKK sangat sesuai didedahkan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi kerana ia adalah salah satu cara untuk memberi pendidikan kepada kanak-kanak hal ini kerana setiap rangkap pantun menggambarkan citra kehidupan masyarakat yang mengaitkan apa yang berlaku dalam sekeliling mereka bahkan juga untuk mendidik kanak-kanak melalui tema-tema yang digarapkan dalam PKK. Oleh yang dikatakan sedemikian, dalam bahagian ini akan menggambarkan secara teliti dan jelas tentang PKK dalam membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak.

Selain itu, pada bahagian kajian literatur atau kajian lepas sangat penting untuk diteliti atau dikaji semula dalam menghasilkan kajian untuk memperbaharui kajian yang sedia ada. Justeru itu, dengan adanya penelitian terhadap kajian lepas segala kelompongan dapat diperbaiki menjadi satu hasil kajian yang tidak pernah dikaji oleh para sarjana dan ia bahkan akan menjadi titik terang dalam menilai hasil kajian yang dilakukan berdasarkan kepentingan atau perbuatan masyarakat kini. Namun begitu, boleh dikatakan sebuah kajian yang sempurna bertitik tolak daripada meneliti hasil kajian yang sedia ada dengan melihat perubahan yang berlaku pada masa kini.

Di samping itu, dalam bab tiga iaitu adalah berkaitan dengan metodologi kajian yang menjadi rujukan dalam menghasilkan kajian bagi menjawab segala objektif kajian. Justeru itu, dalam bahagian ini akan dijelaskan secara terperinci segala kaedah yang digunakan termasuk mengaplikasikan teori yang sesuai dengan kajian yang dihasilkan. Oleh yang dikatakan sedemikian, dalam kajian ini teori Puitika Keindahan Melayu sangat sesuai diaplikasikan dalam kajian ini melihat keindahan yang terdapat dalam sebuah pantun, hal ini dapat dilihat menerusi pandangan Muhammad Haji Salleh (2006) yang mengatakan teori Puitika Sastera Melayu sangat sesuai diaplikasikan untuk menilai keindahan dalam puisi tradisional Melayu. Oleh itu, hal ini secara tidak langsung memberi satu pendekatan baru untuk pengkaji dalam menilai PKK dengan mengaplikasikan teori tersebut.

Oleh yang dikatakan sedemikian, dapat dirumuskan bab empat adalah berkenaan dengan dapatan kajian yang memainkan peranan penting dalam sebuah kajian kerana segala hasil kajaina akan dianalisis pada bahagian bagi menjawab segala objektif yang dikemukakan iaitu mengenal pasti jenis pantun yang membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak dan

menganalisis pantun kanak-kanak berdasarkan teori Puitika Sastera Melayu oleh Muhammad Hj Salleh. Seterusnya, melalui penelitian yang telah dilakukan tidak dapat dinafikan PKK adalah pantun yang mampu membentuk jati diri kanak-kanak sekaligus menggambarkan nilai keindahan melalui perlambangan yang digunakan pada setiap rangkap pantun. Selain itu, setiap tema yang dikemukakan dalam pantun turut mempengaruhi dalam memberi pendidikan kepada kanak-kanak hal ini kerana pembentukan jati diri kanak-kanak bergantung kepada cara atau pendedahan yang diberikan masyarakat untuk mendidik mereka menjadi insan berakhlak mulia. Oleh itu, secara keseluruhannya kajian ini bertitik tolak dengan melihat PKK sebagai wadah untuk membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak melalui tema PBB, PMH, PBS, PMG, PPW dan PKK sebagai analisis utama dalam menghasilkan kajian ini.

Justeru itu, bab lima adalah berkaitan dengan rumusan secara menyeluruh mengenai kajian yang dihasilkan. Oleh itu, dalam bab ini pengkaji akan merumuskan secara menyeluruh tentang kajian dan kesan kajian ini kepada masyarakat apabila membaca hasil kajian yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun, kajian ini telah menemukan titik terang bahawa PKK bukan sekadar hiburan kepada kanak-kanak ia bahkan adalah satu wadah penyampaian yang baik untuk didedahkan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi walhal boleh dilihat PKK semakin terpinggir dalam masyarakat kini tetapi dengan kajian ini dapat membuka mata masyarakat bahawa PKK banyak mempunyai manfaatnya.

5.3 IMPLIKASI

Implikasi merujuk kepada akibat yang berlaku terhadap sesuatu perkara yang dilakukan sama ada implikasi terhadap pencipta, pembaca dan pengkaji. Oleh itu, hal ini secara tidak langsung setelah menyelesaikan kajian ini, terdapat beberapa implikasi yang boleh diketengahkan sebagai rujukan dalam meneliti hasil kajian yang dilaksanakan. Justeru itu, beberapa implikasi kajian akan diketengahkan dalam bab ini seperti hal-hal berikut;

5.3.1 IMPLIKASI TERHADAP PENCIPTA ATAU PENULIS PANTUN

KANAK-KANAK

Rentetan daripada perkembangan zaman yang serba canggih dengan teknologi hal ini menyebabkan masyarakat atau kanak-kanak lebih terdedah kepada alam siber sehingga memberi kesan yang mendalam dari segi cara berinteraksi atau berkomunikasi dengan masyarakat di sekeliling mereka. Justeru itu, kajian ini dihasilkan untuk memperlihatkan bahawa penulis atau pencipta haruslah menitikberatkan penggunaan bahasa dalam menghasilkan pantun kanak-kanak. Di samping itu, menerusi kajian ini dapat dilihat bahawa penulis berjaya membentuk jati diri kanak-kanak melalui tema yang diketengahkan dalam pantun tersebut seperti tema PBB, PMH, PBS, PMG, PPW dan PKK. Oleh yang dikatakan sedemikian, kajian ini memfokuskan betapa pentingnya tanggungjawab dan

peranan pencipta atau penulis PKK dalam menggarapkan sebuah pantun yang memenuhi tuntutan zaman yang serba canggih dengan teknologi tetapi masih mengekalkan fungsi dalam membentuk pemberdayaan jati diri kanak-kanak dan keindahan pantun Melayu.

5.3.2 IMPLIKASI TERHADAP PEMBACA PANTUN KANAK-KANAK

Penciptaan PKK bertujuan untuk memberi didikan, nasihat dan didaktik kepada masyarakat. Namun Begitu, PKK juga mampu memberi hiburan kepada kanak-kanak melalui perlambangan bahasa dalam rangkap baris pantun yang menimbulkan kelucuan di hati mereka sekaligus dapat memberi nasihat. Justeru itu, secara keseluruhannya kajian ini meletakkan PKK sebagai medium dalam membentuk jati diri menjadi manusia yang berakhlak mulia dan berbudi bahasa serta dapat melestarikan pantun Melayu kepada golongan kanak-kanak. Selain itu, PKK adalah pantun yang mudah difahami oleh golongan kanak-kanak serta alunan kata juga mudah disebut memainkan peranan penting dalam menarik minat kanak-kanak agar lebih menghargai dan mencintai PKK. Hal ini dikatakan sedemikian, usaha semua pihak sangat diperlukan agar PKK tidak dipinggirkan kerana kanak-kanak merupakan akar tunjang yang akan mewarisi warisan pantun Melayu pada masa akan datang.

5.3.3 IMPLIKASI TERHADAP PENKAJI DAN BIDANG KAJIAN

Kajian ini meninggalkan kesan yang mendalam terhadap pengkaji dalam meneliti atau menganalisis PKK mampu meyumbang kepada pemberdayaan jati diri kanak-kanak. Seterusnya, melalui kajian ini juga ia mampu menyumbang dalam memperkembangkan bidang kajian dalam pantun Melayu khususnya dalam PKK serta pengkaji juga memperoleh penemuan baru berkaitan dengan kesesuaian pengaplikasian teori Puitika Sastera Melayu dalam PKK. Selain itu, kajian ini banyak membuka mata pengkaji bahawa PKK merupakan pantun yang harus dipelihara kerana ia memberi makna yang tersirat dalam pengungkapannya bukan sahaja untuk berhibur tetapi banyak memberi pendidikan. Oleh yang dikatakan sedemikian, diharapkan kajian ini dapat memberi rujukan kepada semua masyarakat untuk melihat bahawa PKK perlulah dipelihara kepada generasi akan datang kerana ia dapat membentuk jati diri kanak-kanak dalam mendepani era teknologi yang semakin canggih dan dijadikan bahan rujukan ilmiah kepada para pengkaji yang lain.

5.4 CADANGAN

Rentetan daripada hasil kajian yang telah dilaksanakan, pengkaji mengharapkan ada penambahbaikan daripada pengkaji yang akan datang mengenai PKK dalam membentuk jati diri kanak-kanak menjadi insan yang tinggi budi bahasanya. Oleh itu, dalam kajian

pengkaji akan menyatakan beberapa cadangan yang boleh dilakukan untuk kajian-kajian yang akan datang agar PKK terus hidup dalam masyarakat masa kini. Hal ini dikatakan sedemikian, antara cadangan yang diutarakan adalah memasukkan PKK dalam silibus pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah, lebih banyak kajian yang dijalankan menggunakan teori Puitika Sastera Melayu dan peranan media massa dalam mengekalkan PKK.

5.4.1 MEMASUKKAN PKK DALAM SILIBUS PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH.

Antara cadangan yang diutarakan adalah memasukkan PKK dalam silibus pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah dengan ini pelajar akan mengenali dengan lebih jelas dan memahami makna tersirat dan tersurat apa yang ingin disampaikan dalam pantun. Selain itu, dalam kajian ini akan menjelaskan secara terperinci mengenai kaedah dalam memahami maksud pantun yang dijelaskan secara tersirat hal ini bahkan juga dapat menyelesaikan kesukaran pelajar dalam memahami makna pantun. Oleh itu, PKK sangat penting dalam pengajaran kerana fungsi dan kepentingan pantun adalah sebagai wadah dalam menyampaikan sesuatu yang memberi didaktik kepada kanak-kanak. Namun begitu, peranan Pihak Kementerian Pelajaran sangat penting dalam merealisasikan cadangan yang diutarakan oleh pengkaji tentang PKK dalam pelajaran bahasa Melayu haruslah dititikberatkan dan mengambil inisiatif tentang apa telah dicadangkan hal ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang PKK tetapi ia juga adalah

salah satu untuk mendidik kanak-kanak dalam membentuk jati diri yang sempurna, hal ini kerana kalau dilihat semakin ramai pelajar sekolah rendah yang terlibat dalam perlakuan negatif yang akan mendatangkan kesan kepada diri sendiri malah turut terkena tempiasnya masyarakat di sekeliling. Oleh itu, Pihak Kementerian Pelajaran haruslah meneliti semula kewajaran pelaksanaan KOMSAS semasa berada peringkat sekolah rendah kerana KOMSAS sangat sesuai untuk menerapkan nilai kepada kanak-kanak.

5.4.2 LEBIH BANYAK KAJIAN YANG DIJALANKAN MENGGUNAKAN TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU

Seterusnya, berdasarkan kajian ini dapat dilihat teori Keindahan Puitika Sastera Melayu yang digagaskan oleh Muhammad Hj Salleh sangat sesuai dalam melihat keindahan atau estetika dalam sebuah pantun. Justeru itu, teori ini sangat sesuai diaplikasikan untuk melihat keindahan pantun kerana setiap pantun mempunyai keindahan yang tersendiri dari segi perlambangan, irama, muzik, kosa kata yang digunakan dan lain-lain. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan agar lebih banyak kajian yang dijalankan menggunakan teori Puitika Sastera Melayu kerana teori ini sesuai untuk mengkaji atau menganalisis puisi tradisional seperti pantun, gurindam, syair, seloka dan sebagainya. Hal ini dikatakan sedemikian, kajian mengenai teori Puitika Sastera Melayu perlu dilakukan sebagai langkah untuk terus menghidupkan puisi tradisional serta mengukuhkan fungsi dan kepentingan seiring dengan perkembangan teknologi masa kini.

5.4.3 PERANAN MEDIA MASSA DALAM MENGEKALKAN PKK.

Cadangan seterusnya adalah peranan media massa sangat penting dalam mengekalkan puisi tradisional seperti pantun. Hal ini dikatakan sedemikian, seiring dengan perkembangan arus teknologi yang semakin berkembang media massa antara yang usaha yang mampu untuk terus mengekalkan PKK dalam masyarakat Melayu. Namun begitu, antara usaha yang boleh dilakukan adalah mengadakan pertandingan mencipta PKK dan memuat naik ke dalam media sosial seperti Instagram, Facebook, Blogger, Twitter dan lain-lain secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat agar menghargai warisan pantun Melayu. Oleh itu, usaha semua pihak sangat digalakkan terutamanya graduan bidang kesusasteraan untuk terus memartabatkan pantun Melayu seiring dengan perubahan teknologi agar generasi akan datang dapat mengenali puisi tradisional yang mempunyai banyak manfaatnya.

5.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa PKK banyak memberi pendidikan dalam membentuk jati diri kanak-kanak menjadi insan berakhlak mulia dan indah budi bicaranya. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat membuka mata masyarakat bahawa puisi tradisional seperti PKK mendatangkan kesan yang positif kepada kanak-kanak sekaligus memartabatkan bidang kesusasteraan supaya terus relaven dalam masyarakat Melayu.

Selain itu, pengkaji sangat berbesar hati sekiranya hasil kajiannya dijadikan sumber rujukan untuk mengisi kelompangan yang ada atau memperbaikinya mengikut keadaan semasa yang berlaku. Oleh itu, peranan semua pihak terutamanya ibu bapa sangat diperlukan untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi mengenai PKK kerana ia bukan sahaja dijadikan hiburan tetapi juga memberi pendidikan dan pembentukan jati diri.



RUJUKAN

- A Halim Ali. (2018). *Inti Sari Teori Sastera (Barat dan Malaysia) m/s 182*.
- Abdul Halim Ali. (2011) Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 99-117.
- Aida Qamariah Ishak, Sainah Jaafar dan Ahmad Ramizu Abdullah. (2018). Pantun Kanak-kanak dari Perspektif Semiotik Riffaterre. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu Vol 11. No 1 (2108)*.
- Aida Qamariah Ishak. (2018). *Semiotik Riffaterre dalam pantun kanak-kanak*. Ph.D Thesis Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Aimanjaiz. (2013). *Alat Muzik Tradisional*. Diperoleh 1 October 2013 daripada [https://www.scribd.com/document/172368346/Alat -Muzik-Tradisional-Melayu](https://www.scribd.com/document/172368346/Alat-Muzik-Tradisional-Melayu).
- Al-Quran*. Surah Al-Ahqaf: Ayat 15.
- Ani Haji Omar. (2012). Kesusasteraan dan Peranan Puisi dalam Kehidupan Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan 1, 87-121,2012*.
- Anuar Redzuan. (2013). *Hormat Menghormati*. Diperoleh 1 April 2013 daripada <https://www.scribd.com/doc/133316612/hormat-menghormati>.
- Ari Kurniawan, Muhamad Faisal Ashaari dan Azizi Umar. (2013). Jati Diri Kebangsaan Dalam Falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal Al-Hikmah Jilid 5 , 2013 ISSN 1985-6822*.

- Azzurin Mohd Yassin dan Mas Rynna Wati Ahmad. (2018). Konsep Jati Diri Melayu dalam Puisi Catatan Kembara Nota Kecil Menyeberang Usia. *Jurnal Melayu Bil.17(2) 2018 ISSN 1675-7513*.
- Datuk Drs. Haji Abdul Malik, M.Pd. (2012). *Kepimpinan dan Jati Diri dalam Pantun Melayu*. Kertas Kerja Seminar Pantun Melayu Serumpun. Anjuran Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan dan Sambutan 750 Tahun Melaka. Melaka, 18 Oktober 2012.
- Dedeh Maryani dan Ruth Roselin E.Na. (2019). *Pemberdayaan Masyarakat*. Diterbitkan oleh Deepublish Publisher.
- Dheka D.A. Rusmana. (2010). Permainan Congkak: Nilai dan Potensinya Bagi Perkembangan Kongnitif Anak. *Patanjala Vol.2, No.3 (September 2010): pp 537-549*.
- Eizah Bt Mat Hussin. (2016). *Simbol dan Makna Dalam Pantun Melayu Bingkisan Permata*. Ph.D Thesis Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Eizah Mat Hussain, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Jaafar. (2015). Simbol Tumbuhan Dalam Pantun Dari Perspektif Puitika Sastera Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 26, 2015*. Akademia Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Hafizah Iszahanid. (2016, 26 September). *Mesej Kehidupan Dalam Makyung*. Berita Harian Online. Diakses pada 26 September 2016, daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/09/196127/mesej-kehidupan-dalam-makyung>.

- Hashim Ismail. (2019). Teori Puitika Sastera Melayu: Interpretasi dan Praktikaliti. *MANU Bil. 29, 31-49(2019)*. Terbitan Universiti Malaya.
- Hj. Mohd Rashid Hj. Md Idris. (2012). Nilai Kebijaksanaan Melayu dalam Pantun. *Ulum Islamiyyah Journal Vol 9* pp 3-18.
- Ismail Restu. (2014). *Kumpulan Pantun Kanak-Kanak: Adik Sayang Pantun*. Terbitan Institut Terjemahan & Buku Malaysia, Kuala Lumpur.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2020). *Tolong Menolong Adalah Tuntutan Agama Demi Melahirkan Masyarakat Yang Aman dan Sejahtera*.
- Jamilah Ahmad dan Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir. (2015). Sikap dan Tingkah Laku Gen Y Terhadap Amalan “Budi Bahasa, Budaya Kita”. *Malaysian Journal of Youth Studies, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga*. (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Latifah Binti Abdul Majid, Wan Nasyrudin Wan Abdullah dan Nurul Hidayah Binti Ahmad Zakhi. (2012). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 51-65*.
- Maisarah Aisya Ismail. (2018, November 17). *Pertahan Keris, Pantun Lambang Jati Diri Melayu*. Berita Harian, 69.

- Maisarah Saidin dan Latifah Abdul Majid. (2012). Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Melalui Bahan Bacaan Malaysia. *Jurnal Hadhari* 4 (1) (2012) 77-102.
- Mana Sikana. (2009). Estetika Di Sebalik Tabir Teori Sastera Melayu Islam. *Jurnal Melayu* (4) 20019: 11-28.
- Mohd Rashid Md Idris. (2011). *Nilai Melayu Dalam Pantun*. Terbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak.
- Mohd Yusof Othman et al. (2012). Jati Diri Kebangsaan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 67-78.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu Bil. 17* (2).
- Muhammad Haji Salleh. (2006). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munawar Noor. (2011). Pemberdayaan Masyarakat. *Jurnal Ilmiah CIVIS, Volume 1, No 2 July 2011*.
- Norazimah Zakaria et al (2017). Akal Budi dan Cerminan Jati Diri Melayu dalam Pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 4 Bil 2* (2017).
- Nurzatil Isamah Azizan & ZulkifliMohd Yusoff (2018). Pembentukan Jati Diri Remaja Melayu Pembelajaran Persekitaran Sosial: Analisis Menurut Perspektif Al-Quran. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Vol 5 No.2: pp 216-230*.

- Prof. Dr. Abdul Rasid Jamian. (2020, January 17). *Sistem Pendidikan Asas Bina Jati Diri Murid*. Berita Harian, 65.
- Siti Aishah Bt Yusoff. (2011). *Estetika dalam Kumpulan Puisi Kanak-kanak Putera-Puteri Malaysia dan Nota untuk Ibu*. Master Thesis Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Haliza Yusop. (2017). *Jangan Pandang Alat Muzik Tradisi sebelah Mata*. Berita Harian Online. Diperoleh 9 Januari 2017 daripada <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/01/231955/jangan-pandang-alat-muzik-tradisi-sebelah-mata>.
- Siti Rahimah Binti Mustaffa. (2017). *Dialek dan Jati Diri Masyarakat Besut Dari Sudut Sosiolinguistik*. Ph.D Thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Syaidul Azam Kamarudin. (2011). *Jati diri Melayu dalam kumpulan puisi pilihan A.Aziz Deraman*. Master thesis, Universiti Putra Malaysia.
- Wen Hang Pui. *Analisis Pemikiran Melayu Dalam Pantun Kanak-kanak Berdasarkan Teori Puitika Sastera Melayu*. Diperolehi 4 Mei 2021 daripada https://www.academia.edu/42265630/Analisis_Pemikiran_Melayu_dalam_Pantun_Kanak_kanak_berdasarkan_Teori_Puitika_Sastera_Melayu.
- Zainal Abidin Borhan. (2008). *Pantun Warisan Rakyat*. Terbitan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Zainol Abdul Kassim. (2016). *Jati Diri Pembinaan dan Pemantapan*. Diterbitkan oleh Universiti Malaya. Mohd Rashid Md Idris (2011). *Nilai Melayu Dalam Pantun*. Terbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak.

Zaiti Saibi. (24 March 2019). *Martabat Seni Muzik Tradisi*. Harian Metro, 56.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Norizah Yussuf. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)*, 155-172.

